



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TEKS UCAPAN SEMPENA ISTIADAT KONVOKESYEN
UTM KE 80

DI DEWAN AGONG TUANKU CANSOLOR

Kampus	Bil Graduan	10-Mei	11-Mei	12-Mei	13-Mei	14-Mei	15-Mei	16-Mei	17-Mei	18-Mei	19-Mei	20-Mei	Jum. Sidang	
		Sabtu	Ahad	Isnin	Selasa	Rabu	Kha	Jum	Sab	Ahad	Isnin	Sel		
S.ALAM	12,329	SPB	VC	VC	Sidang Ditangguhkan (Hari Wesak)	PRO3	PRO3	Sidang Ditangguhkan	Sidang Ditangguhkan (Edar Jubah)	PRO1	PRO2	PRO2		
	Sidang	1	2	4		6	8			10	12	14	14	
	Pagi	PhD Sarjana	Sarjana	AS,EM LG		AD, MU	AT, HS MC, SR			IM, ED	BM	BM		
	Petang	211	917	776		813	784			871	1,040	981	6,393	
PERAK	1,853				Sidang Ditangguhkan (Hari Wesak)	PRO3	PRO3	Sidang Ditangguhkan	Sidang Ditangguhkan (Edar Jubah)	PRO1	PRO2	PRO2		
	Sidang											1 & 2	3 & 4	4
	Pagi											435	529	
	Petang											419	470	
PERLIS	1,214				Sidang Ditangguhkan (Hari Wesak)	PRO1	PRO1	Sidang Ditangguhkan	Sidang Ditangguhkan (Edar Jubah)	PRO1	PRO2	PRO2		
	Sidang					1, 2 & 3	4 & 5							5
	Pagi1					267	239							
	Pagi2					247	215							
T'GANU	1,173				Sidang Ditangguhkan (Hari Wesak)	PRO4	PRO4	Sidang Ditangguhkan	Sidang Ditangguhkan (Edar Jubah)	PRO1	PRO2	PRO2		
	Sidang					1 & 2	3 & 4							4
	Pagi					294	306							
	Petang					271	302							
SARAWAK	937				Sidang Ditangguhkan (Hari Wesak)	PRO2	PRO2	Sidang Ditangguhkan	Sidang Ditangguhkan (Edar Jubah)	PRO1	PRO2	PRO2		
	Sidang					1 & 2	3 & 4							4
	Pagi					226	245							
	Petang					226	240							
MELAKA	2,153				Sidang Ditangguhkan (Hari Wesak)	PRO3	PRO3	Sidang Ditangguhkan	Sidang Ditangguhkan (Edar Jubah)	PRO1	PRO2	PRO2		
	Sidang					1 & 2	3 & 4							4
	Pagi					530	552							
	Petang					536	535							
PAHANG	1,375				Sidang Ditangguhkan (Hari Wesak)	PRO4	PRO4	Sidang Ditangguhkan	Sidang Ditangguhkan (Edar Jubah)	PRO1	PRO2	PRO2		
	Sidang											1 & 2	3 & 4	4
	Pagi											337	319	
	Petang											358	361	
P.PINANG	915				Sidang Ditangguhkan (Hari Wesak)	PRO1	PRO1	Sidang Ditangguhkan	Sidang Ditangguhkan (Edar Jubah)	PRO1	PRO2	PRO2		
	Sidang													2
	Pagi													
	Petang													
Jumlah	9,620											9,620		
BIL PENGANUGERAH		1	2	2	4	4	2	0	3	3	3	2	21,949	

S1-S9 7,341
S10-S14 4,988
12,329

(Data pada 07/04/2014, 9:07pm; Kemaskini pada 09/04/2014, 1:16pm)

Pengesahan Senat Ke-185 bertarikh 27/01/2014, Senat Ke-187 bertarikh 12/03/2014) dan Senat Ke-188 bertarikh 09/04/2014)

Lokasi Kampus	Tarikh	PHD	Sarjana	Diploma Lepas ijazah	Profesional	Sarjana Muda	Diploma	Jumlah	Penganugerah	Jumlah Sidang
S.Alam (B)	10-20 Mei	29	1,099	41	72	7,050	4,038	12,329		14
Perak (A)	19-20 Mei					440	1,413	1,853	PRO3	4
Perlis (R)	15-16 Mei					500	714	1,214	PRO1	5
T'ganu (T)	14-15 Mei					365	808	1,173	PRO4	4
Sarawak (Q)	14-15 Mei					214	723	937	PRO2	4
Melaka (M)	11-12 Mei					763	1,390	2,153	PRO3	4
Pahang (C)	17-18 Mei					276	1,099	1,375	PRO4	4
P.Pinang (P)	12-Mei					123	792	915	PRO1	2
Jumlah	Jumlah					2,681	6,939	9,620		
JUMLAH	JUMLAH	29	1,099	41	72	9,731	10,977	21,949		

Nota:

PRO 1	YBhg. Tan Sri Dato' Seri (Dr) Haji Arshad Ayub
PRO 2	YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Dr. Abdul Rahman A
PRO 3	YBhg. Tan Sri Dato' Sri Sallehuddin Mohamed
PRO 4	YBhg. Tan Sri Nuraizah binti Abdul Hamid
VC	YBhg. Tan Sri Dato' Sri Prof. Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Ba

**TEKS UCAPAN
YBHG. TAN SRI DATO' SERI UTAMA
ARSHAD AYUB**

**PRO-CANSELOR UiTM
DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 80
10 MEI 2014 (SABTU)**

SIDANG PERTAMA

UCAPAN
YBHG. TAN SRI DATO' SERI UTAMA ARSHAD
AYUB
PRO-CANSELOR UiTM
DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 80
SIDANG PERTAMA (PAGI)

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Yang Berbahagia Tan Sri Dato'
Pro Canselor

- Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Seri Panglima
Dr. Abdul Rahman Arshad
Pro Canselor

- Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Sallehuddin
Mohamed
Pro Canselor

- Yang Berbahagia Tan Sri Nuraizah Abdul Hamid
Pro Canselor

- Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Dr Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
- Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Prof. Ir Dr Sahol Hamid Abu Bakar
Naib Canselor
- Yang Berhormat Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh bin Tengku Mohd Hamzah
Ahli Parlimen Gua Musang
- Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Mohd Amin bin Jalaludin
Naib Canselor Universiti Malaya
- Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr Ahmad Yusoff bin Hassan
Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia
- Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti
- Ahli-Ahli Pengurusan Tertinggi Universiti
- Ahli-Ahli Pengurusan Kanan Universiti

- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati
sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabara-katuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, dapat kita bersama-sama menghadiri Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA ke-80 pada pagi yang amat bersejarah ini.

Kepada hadirin yang dapat meluangkan masa untuk hadir di istiadat yang bersejarah ini, saya ucapkan "Selamat Datang" ke Dewan Agung Tuanku Canselor, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.

Sebentar tadi kita telah menyaksikan penganugerahan ijazah kepada seramai 211 graduan di peringkat Doktor Falsafah dan Ijazah Sarjana.

Kepada ibu bapa, suami atau isteri, sanak-saudara dan sahabat handai yang datang dari jauh dan dekat, saya turut berkongsi kegembiraan dengan hadirin semua, melihat kejayaan ahli keluarga kita menerima ijazah tinggi masing-masing pada hari ini.

Kepada graduan yang menerima ijazah tinggi masing-masing tahniah dan syabas saya ucapkan. Usaha saudara-saudari semua kini telah membuahkan hasilnya. Saya mengharapkan agar saudara-saudari dapat memberikan sumbangan berguna kepada agama, bangsa dan negara kita.

Pada kali ini juga, saya amat sukacita untuk menganugerahkan Ijazah Doktor Kehormat (Kewangan) kepada Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah. Seperti yang kita sedia maklum, Tengku Razaleigh merupakan seorang tokoh politik, ekonomi dan kewangan yang banyak menyumbang kepada kepesatan negara terutama dalam hal-hal pembangunan luar bandar. Sewajarnya sumbangan beliau tersebut dihargai oleh universiti kita ini.

Semasa Tengku Razaleigh menjadi Menteri Kabinet, beliau turut memberi peluang kepada saya menjadi Secretary General of Bank Negara dan juga Deputy Director General of Economic Planning Unit, selepas tamat tempoh saya menjadi Pengarah ITM pada 1975. Keistimewaan Tengku Razaleigh banyak ertinya kepada

saya dan keluarga bila mana anak bongsu kami dinamakan Azmir Razaleigh.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

UiTM kini semakin dikenali dan dihormati oleh universiti-universiti terkemuka di dunia. Tidak syak lagi, di mata mereka, UiTM diiktiraf terutama dalam soal peranan dan sumbangan dalam pembangunan modal insan dan sosial negara.

UiTM telah melakukan pelbagai usaha untuk mengangkat nama universiti ke peringkat antarabangsa dan ini dilakukan dengan rasa dan tanggungjawab yang dipikul oleh setiap warga UiTM, di bawah pimpinan Naib Canselornya, Tan Sri Dato Sri Prof. Dr. Sahol Hamid Abu

Bakar. Jalinan dengan masyarakat antarabangsa semakin kukuh dan nyata. Atas kepercayaan ini juga pada bulan September ini, UiTM telah diberi tugas dan amanah untuk menganjurkan *Global Economic Symposium*, yang merupakan acara terbesar di peringkat dunia. Sewajarnya saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua warga kerja universiti ini yang bertungkus lumus menjayakan simposium ini nanti.

Hadirin yang dimulihkan,

Selama saya bersama-sama UiTM semenjak tahun 1965 sehingga kini, saya sudah arif dengan falsafah, peranan, amalan serta budaya UiTM. Universiti ini telah wujud sejak 58 tahun yang lalu, dan dari setahun ke setahun, peranannya menjadi bertambah penting dalam pembangunan dan kemakmuran negara. Justeru, saya

ingin berpesan kepada semua khususnya kepada warga dan alumni UiTM, agar terus mempertahankan universiti tercinta ini.

Kita berdepan dengan tuntutan era profesionalisme (Age of Professionalisme) dimana program akademik mesti mengambil kira keperluan badan-badan profesional dunia. Graduan UiTM tiada pilihan hingga berjaya kecuali terus berusaha hingga berjaya mendapat kelayakan profesional kerana industri dan negara mahukan sedemikian. Graduan profesional bumiputera masih belum mencukupi berbanding dengan keperluan industri.

Some of the professional bodies I must mention in accounting are ACCA, CIMA, CPA, MICPA, and others would include CIM, CII, CIT, ICSA and of course all the

Professional Engineering Bodies. It is very important for UiTM graduates to make a difference in their profession and work place and must strive to be the best in class.

To this effect, faculty members of UiTM must be equally exposed to the professional demands and the needs of the industry. Greater collaboration with the respective professional bodies must be enhanced.

Dalam masa yang sama, berusahalah dengan cara yang bijaksana untuk menambah tinggikan lagi martabat universiti ini dalam setiap aspek. Pastikan UiTM ini terus mampu, lebih disegani dan dihormati, sebagai penjana ilmuwan bumiputera bertaraf dunia.

Dalam banyak hal, UiTM sebenarnya menjadi *trendsetters* kepada banyak organisasi lain dan menjadi *benchmark* dalam bidang-bidang pengajian tertentu. Ini merupakan satu pengiktirafan dan pengiktirafan ini hendaklah sentiasa dikekalkan.

Oleh kerana itu, saya menyarankan agar UiTM terus memainkan peranan dengan meningkatkan penyelidikan, pengumpulan dan pemeliharaan ilmu-ilmu pendidikan sains dan teknologi, sains sosial serta pengurusan dan perniagaan agar universiti bumiputera ini terus dirujuk pada masa-masa akan datang.

Dalam pada itu, matlamat asal penubuhan universiti ini tidak boleh dilupakan. Saya cukup berbangga apabila UiTM terlibat dalam menjalankan program mengubah

destini anak bangsa untuk memberi peluang pendidikan kepada anak-anak miskin bumiputera dan Alhamdulillah, di dalam keputusan peperiksaan baru-baru ini, ramai yang telah lulus dan akan melanjutkan pelajaran ke peringkat diploma.

Peranan UiTM adalah untuk memartabatkan anak bangsa, memberi pendidikan kepada anak-anak Melayu dan bumiputera. Peranan UiTM juga adalah untuk memastikan graduan mendapat peluang kerja yang baik, mewujudkan peluang keusahawanan bagi membolehkan graduan menjadi majikan di samping meninggikan taraf sosioekonomi bangsa di bandar dan luar bandar. Inilah peranan yang perlu dimainkan oleh UiTM. Dan peranan ini tidak akan kita lupakan. Universiti ini adalah ikon kepada bangsa Melayu dan bumiputera di negara ini.

Para graduan yang diraikan,

Berbekalkan falsafah dan peranan tersebut, saudara-saudari haruslah menjadi contoh yang terbaik di dalam apa jua bidang yang diceburi kerana saudara-saudari adalah imej generasi akan datang yang akan mencorakkan kejayaan bangsa. *Be responsible citizens* dan kekalkanlah nama baik universiti, bangsa, agama dan keluarga dalam segala tindak tanduk yang bakal diambil nanti. Ingatlah bahawa kemajuan bangsa akan membawa kepada kemajuan negara.

Kepada graduan, kejayaan yang kita capai ini tidak akan menjadi kenyataan, tanpa adanya sokongan dan usaha gigih daripada semua pihak, terutama para pensyarah, ibu bapa dan keluarga yang sangat berjasa memupuk

kecemerlangan para graduan dengan penglibatan masing-masing. Kata pepatah Melayu: *Benih yang baik, jika jatuh ke laut sekalipun ia akan menjadi sebuah pulau.*

Saya berharap bahawa kita akan terus berjaya dalam apa jua bidang yang akan diceburi. Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada semua Ahli Lembaga Pengarah, Naib Canselor, Ahli-Ahli Senat, Pegawai-Pegawai Kanan Universiti dan semua warga UiTM di atas segala usaha dalam menunaikan tugas dan tanggungjawab dengan cemerlang.

Saya berdoa semoga tuan-tuan dan puan-puan akan terus maju jaya dalam segala lapangan yang diceburi dan usahakan. Biar di mana sekalipun kita berada, berikanlah tempat yang istimewa kepada UiTM di sudut hati kita.

Biarlah UiTM ini sentiasa menjadi perkiraan dalam apa sahaja perancangan yang kita lakukan.

Sekian. Wabillahi taufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.

TEKS UCAPAN

**YBHG TAN SRI DATO' SRI PROF. IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR**

NAIB CANSELOR, UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 80

10 MEI 2014 (SABTU)

SIDANG PERTAMA

UCAPAN

**YBHG TAN SRI DATO' SRI PROF. IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR**

NAIB CANSOLOR, UiTM

**DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 80
SIDANG PERTAMA (PAGI)**

.....

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Utama
Arshad Ayub
Pro Canselor
- Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Seri Panglima
Dr. Abdul Rahman Arshad
Pro Canselor
- Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Sallehuddin
Mohamed
Pro Canselor
- Yang Berbahagia Tan Sri Nuraizah Abdul Hamid
Pro Canselor

- Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Dr Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
- Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh bin Tengku Mohd Hamzah
Ahli Parlimen Gua Musang
- Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Mohd Amin bin Jalaludin
Naib Canselor Universiti Malaya
- Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr Ahmad Yusoff bin Hassan
Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia
- Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti
- Ahli-Ahli Pengurusan Tertinggi Universiti
- Ahli-Ahli Pengurusan Kanan Universiti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati
sekalian
- Keluarga Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh bin Tengku Mohd Hamzah

- Alumni UiTM Sabah
- Naib Canselor –Naib Canselor IPTA Malaysia
- Wakil-Wakil Kementerian

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullhai Wabarakatuh

Alhamdulillah, bersyukur kita, atas limpahan nikmat Allah Subhanahu Wata'ala, yang mengizinkan kita berhimpun di Dewan Agung Tuanku Canselor ini, bagi meraikan satu lagi pencapaian yang membanggakan, hasil keringat dan kesungguhan mahasiswa dan mahasiswi UiTM yang berjaya menamatkan pengajian mereka pada sesi konvokesyen kali ini.

Tahniah saya ucapkan kepada para graduan dan juga ibu bapa serta keluarga atas kejayaan yang diperolehi.

Tentu sekali, banyak pengorbanan yang telah dibuat oleh ibu serta bapa, suami atau isteri; begitu juga ahli-ahli keluarga yang lain.

Hari ini, UiTM juga mencatat sejarah tersendiri, apabila satu lagi Ijazah Doktor Kehormat dianugerahkan kepada seorang tokoh bumiputera terbilang yang berjaya dan disegani.

Sebentar lagi, kita akan menyaksikan penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor (Kewangan) kepada Yang Amat Mulia Tengku Razaleigh Tengku Mohd Hamzah. Tahniah Yang Amat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh !, sesungguhnya UiTM berkongsi kebanggaan dengan pencapaian hidup Yang Amat Mulia Tengku.

Hadirin sekalian,

Sebagai sebuah universiti bumiputera, UiTM sendiri telah melahirkan berpuluh ribu sumber manusia, merentas disiplin, sejak ditubuhkan pada tahun 1956.

Pada konvokesyen kali ini sahaja, seramai 21,949 graduan menerima diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan ijazah kedoktoran di pelbagai peringkat pengajian. Istiadat konvokesyen yang bermula hari ini sehingga 20 Mei, akan berlangsung di Kampus Shah Alam dan kampus-kampus UiTM negeri yang terpilih, di seluruh negara.

Daripada jumlah tersebut, hari ini, bagi sidang pertama, seramai 211 graduan akan menerima Ijazah Doktor Falsafah dan Ijazah Sarjana.

Saya dan seluruh warga UiTM mengucapkan tahniah kepada graduan, keluarga, sanak saudara serta sahabat handai yang turut meraikan kejayaan ini.

Dengan jumlah graduan yang mengambil bahagian pada konvokesyen ke-80 ini, maka alumni UiTM kini telah melebihi setengah juta. Alhamdulillah.

Selain itu, seperti kita sedia maklum, UiTM juga telah memperkenalkan program khas yang dinamakan Mengubah Destini Anak Bangsa (atau MDAB), bagi memberi peluang kedua kepada anak-anak Melayu dan bumiputera yang tidak berpeluang melanjutkan pengajian selepas SPM atas faktor kemiskinan dan keputusan SPM yang kurang baik.

Sejak MDAB diperkenalkan, seramai 15,000 golongan anak muda ini telah mengikuti program di peringkat pra-diploma di UiTM.

Insyallah, jumlah pengambilan pelajar-pelajar MDAB akan ditambah daripada 5,000 sekarang kepada 10,000 setiap semester.

Penekanan yang teliti bagi memastikan kualiti graduan UiTM tidak pernah sesekali dipandang mudah dan remeh, aspek pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, perundingan serta khidmat masyarakat sentiasa seiringan bagi memastikan UiTM berada pada landasan yang tepat dan betul.

UiTM kini telah berjaya meletakkan namanya di peta dunia, dan antara bukti pencapaian adalah pada bulan September 2014 nanti, UiTM akan menganjurkan *Global Economic Symposium*, yang akan dihadiri oleh 20 tokoh *nobel laureatte*. Selain itu,

UiTM juga telah dijemput untuk memberikan syarahan Perdana *The Young Universities Summit, with Plymouth University*, di Miami, USA, serta di Oxford University.

In Sha Allah marilah kita sama-sama terus berusaha untuk kemajuan UiTM pada masa hadapan.

Sekali lagi, tahniah saya ucapkan kepada para graduan. Semoga saudara-saudari akan terus berjaya dalam menempuh kehidupan seterusnya, demi agama, demi menjaga maruah bangsa dan negara.

Akhir dari saya untuk semua graduan, walau sejauhmana pun kita berjaya, walau setinggi mana pun jawatan atau pangkat kita nanti, kenanglah jasa UiTM, sentiasalah menolong UiTM, kerana UiTM sentiasa di hati kita, dan “Hanya yang cekal dan tabah, dapat membina bangsanya yang berjaya”.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh.

**UCAPAN PENERIMA ANUGERAH
IJAZAH DOKTOR KEHORMAT
(KEWANGAN)
KEPADA
YBM TENGKU RAZALEIGH HAMZAH
SEMPENA
ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE 80**

SILA SEMAK SEMASA PENYAMPAIAN

UCAPAN OLEH
Y.B.M. TENGKU RAZALEIGH HAMZAH

DI MAJLIS PENGANUGERAHAN IJAZAH DOKTOR
KEHORMAT (KEWANGAN) UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
SEMPENA ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE-80

PADA HARI SABTU, 10.5.14 JAM 8.00 PAGI BERTEMPAT DI UiTM
SHAH ALAM, SELANGOR

Bismillahirrahmannirrahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

1. Saya dengan rendah diri dan penuh syukur ke hadrat Allah SWT ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Universiti Teknologi MARA yang telah memberi penghormatan kepada saya dengan penganugerahan Ijazah Doktor Kehormat ini. Sebagai seorang yang menyanjung tinggi ilmu pengetahuan dan sumbangannya terhadap peradaban dan martabat kita, ijazah ini sungguh bermakna kepada saya. Saya menerimanya dengan rendah diri.

2. Hadirin yang dihormati sekalian, di kesempatan ini ingin saya berkongsi pandangan dan pengalaman mengenai ilmu pengetahuan dan pendidikan, dua aspek pelajaran dan pembelajaran yang tidak mungkin dipisahkan. Ilmu merupakan kekuatan yang kita inginkan manakala pendidikan adalah proses yang meletakkan kita di kedudukan tersebut. Yang demikian, perbincangan mengenai ilmu tidak akan lengkap kalau kita tidak menyentuh prosesnya, iaitu pendidikan.

3. Sejak penubuhan Dewan Latihan RIDA pada tahun 1956, Maktab MARA, hasil Kongres Ekonomi Bumiputera Pertama tahun 1965, hinggalah ke ITM yang dirasmikan pada tahun 1975, Universiti Teknologi MARA kini berkembang pesat dengan kampusnya di setiap pelusuk tanah air yang menampung lebih daripada 200,000 pelajar. Usaha ini berjaya mewujudkan jentera untuk mengangkat martabat anak bangsa dalam usaha menimba ilmu. Ia membekal modal insan yang merupakan potensi kepimpinan di bidang ekonomi, sosial dan politik.

4. Kegemilangan dan pencapaian ITM amat membanggakan. Saya masih ingat, terutamanya sewaktu saya masih dalam barisan kepimpinan kerajaan, betapa graduan ITM menjadi pilihan majikan. Keyakinan, sikap serta kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris meletakkan graduan ITM di tempat yang tinggi dan mampu bersaing, terutamanya bagi mengisi perjawatan di sektor swasta. Tidak hairanlah hari ini terdapat ramai graduan ITM menjadi peneraju industri. Semoga keadaan ini berterusan.

5. Hadirin yang dihormati sekalian, salah satu perkara yang menyerlahkan graduan UiTM daripada graduan lain ialah ketrampilan mereka dengan sokongan kemahiran

mereka berkomunikasi menggunakan Bahasa Inggeris. Ia merupakan bahasa perantaraan pelbagai bidang di serata dunia termasuklah bidang-bidang perdagangan dan perniagaan, teknologi dan internet, perubatan serta diplomasi. Ini bermakna penguasaannya dengan baik merupakan kelebihan kepada kita.

6. Maka itu usahlah kita berbalah mengenai isu bahasa. Tidak hilangnya identiti, budaya dan adat resam kita seandainya kita menguasai lebih banyak bahasa. Malah, penghayatan budaya dan adat resam kita akan lebih melangkaui, sekiranya masyarakat kita menguasai bahasa global ini. Kita tidak seharusnya membandingkan dengan zaman pra-internet kerana pada waktu itu, tidak ada keperluan untuk cepat bertindak dalam segala hal. Sebaliknya dalam era globalisasi dan dengan segala macam kemajuan teknologi terkini, kelambatan untuk kita mengetahui dan memproses maklumat serta memperoleh dan menghayati ilmu baru, akan meminggirkan kita.

7. Barang diingat bahawa penyelidik dan pakar dalam pelbagai bidang hari ini menulis hasil penemuan mereka dalam Bahasa Inggeris. Jikalau kita tidak menguasainya, kita akan ketinggalan. Kita juga perlu sedar bahawa persaingan sekarang bukan hanya sesama sendiri tetapi melibatkan persaingan daripada negara yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai *lingua francanya*. Yang demikian, kita semestinya meletakkan kepentingan kepada komunikasi global yang secara kebetulan berpaksikan kepada Bahasa Inggeris.

8. Hadirin yang dihormati sekalian, perbahasan mengenai ilmu seharusnya merangkumi penelitian sistem pendidikan kita. Dalam hal ini, saya pernah utarakan pandangan dan saranan agar sistem kita dilihat kembali secara menyeluruh tanpa sebarang prejudis agar ia dapat ditambah baik demi menepati keperluan semasa dan akan datang. Ia dibuat kerana terdapatnya kelemahan pada sistem pendidikan kita. Dua kelemahan tersebut telahpun mendapat perhatian dunia, iaitu:

- Pada akhir Mac 2014, Bank Dunia melaporkan kebimbangan terhadap mutu pendidikan kita yang rendah.
- Penilaian menggunakan International Standard (PISA, TIMSS) meletakkan kita di tahap yang rendah.

9. Adalah penting bagi kita menerima penilaian ini dengan terbuka. Dengan cara ini, proses penambahbaikan akan dapat kita laksanakan secepat mungkin dan dengan penuh komitmen. Penerimaan hakikat ini juga boleh melicinkan usaha kita memperbaiki falsafah, pelaksanaan, penyampaian serta penerimaan dan penghayatan sistem tersebut.

10. Hari ini sistem yang kita laksanakan tidak melahirkan insan berilmu yang mampu berfikir dengan berkesan dan cemerlang dalam keadaan yang berbagai, tidak menentu, mencabar dan cepat berubah. Saya masih ingat satu waktu dahulu bilamana kita dihormati dan disanjung oleh masyarakat dunia. Di forum antarabangsa, kita sering diberi penghormatan untuk menyediakan "laporan perbincangan", "kenyataan kesepakatan (*communiqué*)", menjadi pemudahcara (*moderator*) dan sebagainya. Hal ini terjadi kerana, secara relatif, kemampuan

berfikir dan penguasaan bahasa kita adalah lebih baik. Malangnya keadaan berbeza sekali sekarang.

11. Hadirin yang dihormati sekalian, sistem pendidikan sepatutnya menyumbang kepada keutuhan integrasi kaum. Tetapi dewasa ini polarisasi antara kaum adalah pada tahap yang parah dan mengkhawatirkan. Sebagai orang lama yang telah menyaksikan pahit getir perjalanan panjang Malaysia, saya sangat sedih dengan apa yang berlaku. Sebagai perbandingan, saya masih ingat apabila Wong Peng Soon yang mewakili kita memenangi Kejuaraan Badminton All-England pada tahun 1950, 1951 dan tahun seterusnya, semua kanak-kanak yang bermain badminton, tidak kira apa keturunan, menggelar diri mereka sebagai 'Wong Peng Soon'. Tetapi hari ini, polarisasi kaum menghantui kita. Paling menyedihkan, polarisasi ini juga wujud di institusi pengajian tinggi di mana masyarakatnya terpelajar.

12. Marilah kita renung sejenak dan hayati keadaan di Korea Selatan yang pernah menjadikan kita sebagai kayu pengukur mereka di dalam berbagai aspek, termasuklah bidang sukan di mana kita sering kalahkan mereka di Pertandingan Bolasepak Piala Merdeka. Di samping itu, kita dianggap sebagai lebih ka hadapan daripada Hong Kong, Taiwan, Singapura dan Korea Selatan di bidang pembangunan ekonomi. Tetapi keberkesanan sistem pendidikan Korea Selatan merupakan penyebab kepada keberadaan mereka pada hari ini. Memang kepelbagaian kaum yang terdapat di Malaysia tidak relevan kepada Korea Selatan tetapi dari aspek-aspek yang lain, banyak yang boleh kita pelajari.

13. Pada tahun 1980, pendapatan per kapita mereka adalah USD 2,322 dan lebih rendah daripada kita pada kadar USD 2,351. Tetapi hari ini, pendapatan per kapita mereka adalah USD 24,328 dan dua kali lebih besar daripada kita pada kadar USD 10,547. Kini ekonomi Korea Selatan lebih handal daripada kita. Soalnya – apakah kehebatan tindakan mereka dan di manakah salahnya kita dalam usaha membangunkan negara masing-masing. Kiranya kita jujur dalam menjawab soalan ini, mungkin kita dapat menghasilkan pendekatan lebih berkesan untuk membangunkan Negara demi kebaikan kita semua, terutamanya generasi akan datang.

14. Hakikatnya ialah sistem pendidikan kita tidak berkesan. Ia adalah kegagalan yang memerlukan perubahan drastik dan radikal. Kita gagal dalam penilaian antarabangsa, kita gagal dalam memupuk integrasi kaum, kita gagal dalam menghasilkan modal insan berilmu, berprinsip dan mampu berfikir. Kita juga gagal menguasai komunikasi sehingga kedudukan kita yang dihormati satu waktu dahulu terhakis. Kita memerlukan sistem pendidikan yang dikagumi dan diidami; sistem di mana ibubapa berebut dan berlumba untuk mendapat tempat bagi anak mereka di sekolah awam aliran kebangsaan yang tinggi nilai ekonominya dan sekaligus tidak menghiraukan sistem persekolahan saingan. Adalah diharapkan Pelan Pembangunan Pendidikan 2013 – 2025 mengambil kira pandangan ini dengan maksud untuk melaksanakannya.

15. Hadirin yang dihormati sekalian, saya ingin menyampaikan tahniah kepada ahli akademik UiTM atas kejayaan tuan-tuan dan puan-puan menghasil dan

mengilmukan para graduan yang kita raikan. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada para ibu bapa yang menunggu kejayaan anak mereka dengan doa, pengorbanan dan kesabaran. Akhir kata, saya ucapkan setinggi tahniah kepada setiap orang graduan atas kejayaan saudara saudari. Ingatlah, majlis ini merupakan langkah permulaan dalam perjalanan saudara saudari untuk terus menimba ilmu dan memperolehi kebijaksanaan.

Sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Universiti Teknologi MARA di atas penganugerahan ini yang merupakan suatu penghormatan tidak terhingga.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

TEKS UCAPAN

**YBHG TAN SRI DATO' SRI PROF. IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR**

NAIB CANSELOR, UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 80

11 MEI 2014 (AHAD)

SIDANG KEDUA

UCAPAN

**YBHG TAN SRI DATO' SRI PROF. IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR**

NAIB CANSELOR, UiTM

**DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 80
SIDANG KEDUA (PAGI)**

.....

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa ta'ala, kerana dengan izin-Nya, kita dapat bertemu untuk bersama-sama meraikan **Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA ke-80** ini.

Sempena hari yang penuh bermakna ini, khususnya kepada para graduan, ibu bapa serta ahli keluarga, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas, kepada 917 graduan program sarjana dari **16 fakulti**.

Sesungguhnya, hari ini para graduan sekalian, telah berjaya sampai ke penghujung kembara yang penuh cabaran dan onak ranjau, setelah bertahun bergelar mahasiswa dan mahasiswi UiTM yang tercinta ini.

Malahan, dengan terenggamnya segulung ijazah sarjana pada hari ini, tanpa disedari, para graduan telah menghadiahkan satu cendera kenangan yang tidak ternilai kepada ibu bapa, para pensyarah, bahkan juga kepada guru-guru yang mendidik saudara-saudari semasa di bangku sekolah dahulu.

Ini sekali gus, membuktikan bahawa usaha dan pengorbanan mereka mengisi ilmu di dada para graduan selama ini, akhirnya membuahahkan hasil.

Saya percaya, sekiranya para graduan sekalian bijak mengatur langkah seterusnya, dalam meniti kehidupan di luar ruang lingkup gedung ilmu ini, maka terjamin dan bahagialah kehidupan para graduan sekalian di hari mendatang, **insya-Allah.**

Justeru, saya minta para graduan sekalian berdiri bersama saya, untuk memberi tepukan gemuruh sebagai penghormatan kepada ibu bapa, penjaga dan juga para pensyarah, yang telah mencurahkan bakti dan berkorban segalanya dengan penuh kasih sayang, sehingga membawa kepada kejayaan anda hari ini.

[Para graduan berdiri dan memberi tepukan gemuruh bersama-sama Naib Canselor. Para graduan duduk semula di tempat masing-masing.]

Kepada ibu bapa, para penjaga dan para pensyarah sekalian, setinggi-tinggi tahniah serta syabas saya

ucapkan, kerana telah terbukti bahawa usaha tuan-tuan dan puan-puan selama ini, tidak sia-sia, sama sekali.

Kepada para graduan sekalian, saya menaruh harapan agar saudara-saudari semua akan tegar menjaga nama baik universiti apabila melangkah ke fasa seterusnya, sama ada sebagai warga kerja, ataupun dalam menimba ilmu di peringkat yang tertinggi iaitu Doktor Falsafah.

Jadilah alumni universiti yang sentiasa berbahasa kepada yang memberi, setelah merasa kebaikan daripada pihak yang berbudi. Jadilah aset negara yang profesional, berwibawa, prihatin, berdaya maju dan produktif, dalam apa jua bidang yang diceburi.

Jadilah warga negara yang berperanan melestari pembangunan negara, dan jangan sekali-kali mengikut jejak petualang bangsa yang menghancurkan apa yang telah dibina atas keringat dan wawasan pemimpin-pemimpin terdahulu.

Apa pun pendirian kita, siapa pun idola kita, apa pun parti idaman hati, dan apa pun asas perjuangan kita, janganlah sampai tanah air tercinta dijadikan taruhan untuk menjejaki apa yang belum pasti; kerana yang sudah pasti sekarang ini, ialah, Malaysia kita berada di landasan yang betul untuk mencapai status negara maju – baik dari segi perancangan mahupun hala tuju.

Walaupun tidak semuanya indah di pandang mata, walaupun ada cacat celanya, namun sebagai rakyat

negara yang aman makmur ini, penting bagi kita berganding bahu, yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing, ke gunung sama didaki, ke lurah sama dituruni, bagi memperbetul yang silap, mencantikkan yang hodoh, melicinkan yang kusut, tanpa menggadai keamanan negara tercinta.

Insyallah, tanah tumpah darah ini, akan saudara-saudari warisi. Lantaran itu, pastikanlah apa yang diwarisi adalah lebih baik daripada sekarang, tanpa mencetus perpecahan antara sebangsa, serumpun ataupun seakidah; tanpa menagih ihsan daripada anasir luar yang belum tentu keikhlasannya menghulur bantuan.

Berpeganglah pada semangat di sebalik pepatah Melayu lama, “Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik negeri sendiri.”

Untuk mencapai hasrat murni ini, saya mengharapkan agar para graduan menanam tekad untuk menjadi alumni UiTM yang patriotik kepada negara, dan setia kepada perjuangan universiti ini.

Sesungguhnya, UiTM tidak pernah tersasar daripada matlamatnya untuk memperkasa bangsa Melayu dan etnik bumiputera yang lain, agar berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan bangsa-bangsa lain di sini atau di luar sana.

Justeru itu, apa pun bidang yang diceburi, apa pun kerjaya yang dipilih, berilah yang terbaik demi agama,

bangsa dan negara. Jadikanlah diri anda contoh ikutan kepada rakan sekerja.

Dan, ikutilah jejak alumni-alumni terdahulu yang telah mengukir nama dalam bidang yang diceburi. Jaga nama baik keluarga dan jaga nama baik universiti ini.

Seterusnya, bagi para graduan yang bercita-cita untuk memulakan perniagaan sendiri, berpeganglah pada etika niaga yang mulia, berlandaskan nilai-nilai murni. Kepada yang beragama Islam, apa pun yang dilakukan, hindarkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan tuntutan agama.

Hakikatnya, walaupun agama Islam menggalakkan kita menceburi bidang keusahawanan, namun jangan

jadikan keuntungan semata-mata sebagai matlamat utama perniagaan yang dijalankan.

Sebaliknya, anggaplah peranan anda sebagai sebahagian daripada fi-sabilillah, apatah lagi dalam keadaan ramai umat Islam di seluruh dunia diperkotak-katikan dan hak mereka dinafikan, seperti yang berlaku di Palestin, di Myanmar dan di sesetengah negara barat.

Biar apa pun yang ditempuhi, semat dalam hati keyakinan kepada Ilahi, dan pahat di jiwa peri pentingnya mensyukuri nikmat yang diberi, agar kita tidak tergolong dari kalangan yang kufur nikmat.

Dengan ini, saya menyeru kepada para graduan sekalian agar sentiasa bersikap positif, jangan mudah

putus asa apabila berdepan dengan cabaran getir dalam meniti kehidupan.

Beri yang terbaik, jadi yang terbaik, fikir yang baik-baik ke arah memperkukuh tautan ummah, apatah lagi dalam keadaan kita diasak oleh pihak-pihak yang tidak senang dengan kemajuan dan kejayaan yang dicapai oleh bangsa serumpun dan seagama.

UiTM Lambang Harga Diri...

Bersempena hari ibu pada hari ini, saya ingin mengucapkan "Selamat Hari Ibu". Sememangnya kasih ibu sangat dekat dihati saya. Hargailah pengorbanan, kasih sayang dan rasa kecintaan terhadap ibu kita

Akhir kata, hayatilah videoclip “Destini Anak Bangsa” – karya terbaru universiti tercinta ini.

Sekian, Wassalamualaikum warahmatullahi wa barakatuh.

TEKS UCAPAN

**YBHG TAN SRI DATO' SRI PROF. IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR**

NAIB CANSOLOR, UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 80

11 MEI 2014 (AHAD)

SIDANG KETIGA

UCAPAN

**YBHG TAN SRI DATO' SRI PROF. IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR**

NAIB CANSELOR, UiTM

**DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 80
SIDANG KETIGA (PETANG)**

.....

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum., salam sejahtera dan UiTM Sentiasa di Hatiku.,

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita dapat meraikan bersama kejayaan para graduan dalam Istiadat Konvokesyen ke-80 Universiti Teknologi MARA, bagi Sidang ke-3 ini.

Petang ini kita telah menjadi saksi kepada satu peristiwa yang sangat bermakna di dalam kehidupan para graduan dan ibu bapa sekalian. Sesungguhnya, istiadat yang penuh gilang-gemilang ini seharusnya diraikan dengan penuh kesyukuran dan gembira.

Marilah kita melafazkan syukur kepada Allah SWT sebagaimana firmanNya dalam Surah Ibrahim Ayat 7 yang bermaksud “Sesungguhnya jika kamu bersyukur atas pemberian kami, nescaya akan kami berkati dan kami gandakan nikmat kepadamu, tetapi jika kamu perkecilkan pemberian kami, nescaya kami berikan azab dan sengsara kepada kamu.”

Sebentar tadi kita telah menyaksikan seramai 955 orang graduan menerima skrol masing-masing. Dari jumlah tersebut seramai 781 orang adalah dari Fakulti Perakaunan dan 174 orang adalah dari Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan.

Kepada semua graduan, tahniah dan syabas saya ucapkan atas kejayaan saudara-saudari.

Harapan saya semoga graduan tidak akan sekali-kali melupakan jasa ibu bapa dan ahli keluarga yang selama ini, banyak membantu dalam usaha saudara-saudari mengejar cita-cita sehingga mencapai kejayaan pada hari ini.

Tahniah juga saya ucapkan kepada ibu bapa dan semua yang hadir. Segala pengorbanan dan sokongan yang diberikan selama mereka berada di universiti ini, terbukti bukan sesuatu yang sia-sia. Anggaplah kejayaan para graduan hari ini sebagai hadiah istimewa buat tuan-tuan dan puan-puan.

Para hadirin sekalian,

Universiti Teknologi MARA telah ditubuhkan atas falsafah bahawa “setiap individu mampu mencapai kecemerlangan melalui pemindahan ilmu serta penerapan nilai-nilai murni agar menjadi graduan profesional yang berupaya mengembangkan ilmu dan membangunkan diri, masyarakat dan negara”.

Antara sebab utama UiTM ditubuhkan ialah bagi memastikan agar kedudukan bumiputera di negara tercinta ini akan terus maju dan berdaya saing, di samping menjadi pemangkin pembangunan masyarakat yang berilmu dan beretika tinggi. Memartabatkan bangsa adalah satu tugas yang sangat penting bagi UiTM.

Setiap jabatan di UiTM memberikan komitmen yang tidak berbelah bahagi bagi mencapai hasrat murni UiTM ini. Ini termasuklah Fakulti Perakaunan dan Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan.

Fakulti Perakaunan merupakan salah satu fakulti tertua dan terbesar di UiTM. Program yang dijalankan merangkumi pelbagai peringkat pengajian. Bermula dengan program pertama yang diperkenalkan pada tahun 1956, iaitu, program London Chambers of Commerce and Industry (LCCI), Fakulti Perakaunan terus mara dengan menawarkan program-program yang berdaya saing, di pelbagai peringkat pengajian.

Fakulti Perakaunan merupakan satu-satunya institusi pengajian tinggi awam yang menawarkan program

profesional seperti Certified Accounting Technician, Association of Chartered Certified Accountants, Chartered Institute of Management Accountants dan yang terbaru Certificate of Business Accounting.

Kepada para graduan sarjana muda, jangan berhenti di sini, teruskanlah ke peringkat profesional. Penganugerahan “Platinum Status” daripada ACCA (Association of Chartered Certified Accountants) dan “Quality Partner” daripada CIMA membuktikan kualiti program profesional dijalankan UiTM adalah bertaraf dunia.

Fakulti Perakaunan juga telah melahirkan “Malaysian and World Prizewinners”. Pada peperiksaan yang lepas, saudara Adnan Ngah adalah Malaysian Prizewinner

untuk kertas E3 CIMA – Enterprise Startegy dan saudari Nurfatin Hanani adalah Malaysian Prizewinner untuk kertas P2 CIMA – Performance Management. Tahniah saya ucapkan.

Hadirin yang dihormati,

Hari ini saya ingin sama-sama meraikan kejayaan Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan. Fakulti yang pada awal penubuhannya dikenali dengan nama pendeknya “Hot Cat”, telah berjaya mengadakan hubungan dan kerjasama dengan organisasi di dalam dan luar negara. Ini telah dibuktikan dengan termeterinya MOU di antara UiTM dan Caprice Group of Turkey, Dewina Holdings Sdn Bhd, Bumi-Gemilang Biotechnology (M) Sdn Bhd, Dairy Farm Giant Retail

Sdn Bhd, Abacus Distribution System, Sutra Utama atau dikenali sebagai Sutra Travel Sdn Bhd dan lain-lain.

Graduan dari Fakulti “Hot Cat” ini adalah “*employable graduates*” yang dapat diterima oleh industri sama ada di peringkat swasta atau awam. Ini adalah kerana, pengetahuan dan kemahiran dalam bidang hospitaliti menjadikan graduan fakulti ini mampu menghadapi cabaran suasana persekitaran di tempat kerja dan juga menjadikan mereka graduan yang mempunyai nilai-nilai kecemerlangan dari segi personaliti, serta kemampuan berinteraksi dengan masyarakat dan berdaya saing.

Para graduan yang diraikan,

Kejayaan hari ini bukanlah titik penamat perjuangan atau pembelajaran, malah ia adalah titik permulaan

untuk saudara-saudari terus berusaha dan berjuang demi untuk memajukan diri, masyarakat dan negara. Sesungguhnya perjalanan yang saudara-saudari tempuhi selama ini mengakhiri satu lembaran, dan sekarang bermula lembaran baru.

Saya percaya, sekiranya para graduan sekalian bijak mengatur langkah seterusnya, dalam meniti kehidupan di luar ruang lingkup gedung ilmu ini, maka terjamin dan bahagialah kehidupan para graduan sekalian di hari mendatang, **insya-Allah.**

Justeru, saya minta para graduan sekalian berdiri bersama saya, untuk memberi tepukan gemuruh sebagai penghormatan kepada ibu bapa, penjaga dan juga para pensyarah, yang telah mencurahkan bakti dan

berkorban segalanya dengan penuh kasih sayang, sehingga membawa kepada kejayaan anda hari ini.

Akhir kata, Saya mohon agar kita semua ingat akan jasa mereka ini. Kenangi dan doakan mereka yang menyumbang kepada kejayaan kita hari ini.

Kepada para pensyarah dan warga fakulti, syabas saya ucapkan atas segala jasa dan bakti yang dicurahkan demi mengubah destini anak bangsa ke tahap yang lebih mulia. Semoga Allah memberi rahmat atas segala usaha gigih tuan-tuan dan puan-puan untuk memartabatkan anak bangsa kita, dengan menghasilkan graduan yang dinamik, berilmu dan berdaya maju.

Untuk makluman, video yang ditayangkan diawal majlis istiadat ini tadi, merupakan kisah seorang anak destini.

Sebagai tanda sokongan kepada program ini, 'Buku Mencorak Destini' ada dijual dikaunter luar dewan ini. Separuh dari Hasil jualan buku ini akan disalurkan kepada Tabung Mencorak Destini, ayuhlah sama-sama kita menyokong usah ini bagi memberi peluang kepada mereka yang tercicir untuk melangkah ke menara gading ini.

Semoga UiTM terus cemerlang memikul amanah besar bagi menyediakan peluang mengilmukan anak bangsa serta mencapai niat murni demi rasa kecintaan yang padu kepada keharmonian dan kemakmuran negara yang tercinta.

Bersempena hari ibu pada hari ini, saya ingin mengucapkan “Selamat Hari Ibu”. Sememangnya kasih ibu sangat dekat dihati saya. Hargailah pengorbanan, kasih sayang dan rasa kecintaan terhadap ibu kita.

Akhir kata, hayatilah videoclip “Destini Anak Bangsa” – karya terbaru universiti tercinta ini.

Sekian, Wassalamualaikum warahmatullahi wa barakatuh.

TEKS UCAPAN

**YBHG TAN SRI DATO' SRI PROF. IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR**

NAIB CANSOLOR, UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 80

12 MEI 2014 (ISNIN)

SIDANG KEEMPAT

UCAPAN
YBHG TAN SRI DATO' SRI PROF. IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR
NAIB CANSOLOR, UiTM
DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 80
SIDANG KEEMPAT (PAGI)

.....
Bismillahirrahmanirrahim

Assalammualaikum, salam sejahtera & UiTM
Sentiasa Di Hatiku.,

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Illahi, Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya, kita bersama-sama dapat meraikan Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA ke-80 ini.

Pada pagi yang bersejarah ini, saya mengambil peluang untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada 776 graduan dari **Fakulti Sains Gunaan, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal** dan **Akademi Pengajian Bahasa** kerana telah berjaya menamatkan pengajian mereka setelah berhempas pulas menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan sebagai mahasiswa UiTM.

Rasa lega dan bangga yang dinikmati oleh para graduan menjadikan hari ini suatu yang istimewa buat mereka, apatah lagi kegembiraan mereka dikongsi bersama ibu bapa mereka yang dicintai. Peristiwa ini juga sebenarnya merupakan hadiah istimewa yang tidak ternilai kepada ibu bapa, pensyarah dan negara umumnya. Ini menunjukkan bahawa graduan kita tidak menia-siakan peluang yang diberikan kepadanya.

Mudah-mudahan mereka akan memperolehi masa depan yang baik lagi terjamin untuk diri mereka, keluarga dan masyarakat umumnya.

Justeru, saya ingin merakamkan ucapan sekalung tahniah dan syabas kepada ibu bapa dan para pensyarah kerana dengan dorongan, perangsang serta usaha saudara-saudari selama ini telah terbukti kejayaannya.

Bak kata pepatah, “Kalau tak pecahkan ruyong manakan pula dapat sagunya.”

Graduan yang dikasihi sekalian,

Seperti kita sedia maklum, Universiti Teknologi MARA merupakan sebuah universiti yang terbesar di Malaysia dan pada setiap tahun telah berjaya melahirkan sebahagian besar graduan bumiputera profesional yang berpendidikan sepadu, berkemahiran dan berketrampilan dalam pelbagai bidang.

Lahirnya graduan dalam pelbagai bidang dan kemahiran ini menyerlahkan watak seseorang sebagai bakal pemimpin

negara yang baik untuk menyahut keperluan sejagat. Realitinya kualiti graduan hari ini berada di aras tinggi. Untuk itu misi UiTM yang bukan hanya melihat kepada kejayaan graduan dalam akademik semata-mata malahan mampu membina jalinan dan kerjasama dengan organisasi dalam dan luar negara. Dengan demikian seorang graduan yang menjadi usahawan akan dapat mengajikan ramai graduan lain dan menjadikan mereka usahawan baharu untuk mengambil pekerja baharu.

Kita di UiTM sedar bahawa para graduan adalah aset penting masyarakat dan negara dan UiTM percaya bahawa setiap individu mampu berusaha untuk mencapai kecemerlangan melalui pemindahan ilmu serta penerapan nilai-nilai murni di dalam apa jua aspek kehidupan.

Sidang hadirin yang dimulihkan,

UiTM tidak hanya memberikan penekanan kepada satu-satu kelompok masyarakat bumiputera sahaja. Peluang pendidikan dibuka kepada semua peringkat di kalangan masyarakat

peribumi. Program **Mengubah Destini Anak Bangsa (MDAB)** adalah usaha universiti ini untuk mengubah nasib anak-anak golongan Melayu dan bumiputera yang miskin dan tidak berkemampuan melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti, khususnya di UiTM. Peluang kedua untuk melanjutkan pengajian ini adalah selari dengan hasrat murni untuk menaikkan taraf kehidupan orang Melayu dan bumiputera yang agak ketinggalan dan tercicir sekiranya tiada peluang yang diberi kepada mereka. Kejayaan program ini telah mendapat sokongan padu oleh YAB Perdana Menteri. Hanya dengan cara inilah UiTM, dengan sokongan kerajaan dapat memastikan anak-anak Melayu dan bumiputera dapat bersaing di dalam dunia yang serba mencabar ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Hari ini telah terbukti bahawa Fakulti Sains Gunaan, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Akademi Pengajian Bahasa UiTM telah melahirkan ramai graduan dan jurutera yang berkemahiran tinggi, berfikiran kreatif, inovatif dan beretika,

berintergriti dan berkaliber di dalam pelbagai jawatan seperti penyelidik, jurutera profesional, usahawan berjaya, tidak ketinggalan juga sebagai ahli-ahli bahasa, pensyarah, dan lain-lain lagi sama ada di dalam atau di luar negara.

Keupayaan mereka menyesuaikan diri dan menggunakan pelbagai kemahiran dalam pekerjaan sentiasa dihargai majikan. Malah kemahiran serta keterampilan mereka melangkaui had-had kemahiran sosial yang tipikal. Inilah kualiti yang ditunjukkan oleh lulusan dari UiTM ini. Justeru, keunggulan pelajar-pelajar kita dalam pelbagai bidang perlu sentiasa berada di tahap yang sentiasa dibanggakan. Sentiasalah lengkapkan diri dengan pengetahuan-pengetahuan terkini walaupun saudara-saudari telah tamat pengajian di universiti ini.

Para graduan yang diraikan,

Saya percaya, sekiranya para graduan sekalian bijak mengatur langkah seterusnya, dalam meniti kehidupan di luar ruang lingkup gedung ilmu ini, maka terjamin dan bahagialah kehidupan para graduan sekalian di hari mendatang, **insya-Allah.**

Justeru, saya minta para graduan sekalian berdiri bersama saya, untuk memberi tepukan gemuruh sebagai penghormatan kepada ibu bapa, penjaga dan juga para pensyarah, yang telah mencurahkan bakti dan berkorban segalanya dengan penuh kasih sayang, sehingga membawa kepada kejayaan anda hari ini.

Ibu bapa merupakan pihak pertama yang memerlukan keprihatinan saudara-saudari. Hargai peranan serta pengorbanan ibu bapa yang tidak pernah berkira dan berputus asa dalam hal-hal yang menyentuh kesejahteraan anak-anak mereka.

Saya juga sangat berharap semoga graduan sekalian sedar dan insaf akan kedudukan bangsa yang sentiasa memerlukan perhatian dan prihatin daripada saudara-saudari. Saya memohon para graduan untuk mengenang sejenak betapa segala apa yang saudara-saudari kecapai pada hari ini sebenarnya merupakan perancangan rapi serta wawasan kerajaan negara kita yang sentiasa memikirkan mengenai kemanfaatan dan kesejahteraan kita semua.

Saudara-saudari telah menghabiskan sekian tahun di UiTM berbekalkan kemudahan – harta benda dan wang ringgit – yang disalurkan terus oleh pihak kerajaan. Marilah kita renung

sejenak di mana-mana. Namakan satu-dua negara yang memberikan pendidikan tinggi dengan kos yang paling minima seperti yang kita nikmati di sini. Saya percaya tidak ada mana-mana negara yang setanding dengan apa yang kita lakukan demi pendidikan tinggi anak-anak bangsa kita. Percayalah!

Oleh yang demikian, kembalikanlah ehsan tersebut dengan cara yang terpuji, berbudi dan selayaknya. Tidak banyak yang perlu saudara-saudari korbankan selain daripada berwawasan, kerja keras serta menunaikan tanggungjawab sebagai rakyat yang sentiasa berterima kasih dan bersyukur kepada kerajaan. Milikilah sifat kental - *tak lapok dek hujan dan tak lekang dek panas*. Simpanlah niat untuk membalas budi kepada mereka yang telah berjasa.

Kepada saudara-saudari yang tergerak nak berbakti kepada universiti tercinta ini, mulakanlah dengan menyumbang RM10.00 ke Tabung Sumbangan Alumni yang disediakan di

luar dewan. Semoga sumbangan alumni, yang terkumpul akan terus bertambah dan akan membolehkan lebih ramai siswa-siswi UiTM dapat terus belajar tanpa masalah kewangan sekali gus kita dapat mengurangkan kebergantungan kepada bajet kerajaan. *Segenggam digunungkan, setitik dilautkan.*

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Akhir kata, Saya mohon agar kita semua ingat akan jasa mereka ini. Kenangi dan doakan mereka yang menyumbang kepada kejayaan kita hari ini.

Kepada para pensyarah dan warga fakulti, syabas saya ucapkan atas segala jasa dan bakti yang dicurahkan demi mengubah destini anak bangsa ke tahap yang lebih mulia.

Semoga Allah memberi rahmat atas segala usaha gigih tuan-tuan dan puan-puan untuk memartabatkan anak bangsa kita, dengan menghasilkan graduan yang dinamik, berilmu dan berdaya maju.

Untuk makluman, video yang di tanyangkan di awal majlis istiadat ini tadi, merupakan kisah seorang anak destini.

Sebagai tanda sokongan kepada program ini, 'Buku Mencorak Destini' ada di jual di kaunter luar dewan ini. Separuh dari Hasil jualan buku ini akan di salurkan kepada Tabung Mencorak Destini, ayuhlah sama-sama kita menyokong usah ini bagi memberi peluang kepada mereka yang tercicir untuk melangkah ke menara gading ini.

Semoga UiTM terus cemerlang memikul amanah besar bagi menyediakan peluang mengilmukan anak bangsa serta mencapai niat murni demi rasa kecintaan yang padu kepada keharmonian dan kemakmuran negara yang tercinta.

Bersempena sambutan hari ibu, saya ingin mengucapkan “Selamat Hari Ibu”. Sememangnya kasih ibu sangat dekat dihati saya. Hargailah pengorbanan, kasih sayang dan rasa kecintaan terhadap ibu kita.

Akhir kata, hayatilah videoclip “Destini Anak Bangsa” – karya terbaru universiti tercinta ini.

Sekian, Wassalamualaikum warahmatullahi wa barakatuh.

TEKS UCAPAN

**YBHG TAN SRI DATO' SRI PROF. IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR**

NAIB CANSELOR, UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 80

12 MEI 2014 (ISNIN)

SIDANG KELIMA

UCAPAN
YBHG TAN SRI DATO' SRI PROF. IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR
NAIB CANSELOR, UiTM
DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 80
SIDANG KELIMA (PETANG)

.....

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum, salam sejahtera & UiTM
Sentiasa Di Hatiku.,

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum WarahmatuLlahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera.

Saya bersyukur kepada Allah SWT, kerana atas keizinan-Nya, kita dapat meneruskan Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA ke-80 bagi sidang yang kelima.

Hari ini telah masuk hari ketiga istiadat konvokesyen UiTM dilangsungkan. Alhamdulillah, sehingga sidang kelima yang sedang disempurnakan ini, ibu bapa khususnya, telah berpeluang menyaksikan seramai 3,011 dari keseluruhan 12,329 graduan dianugerahkan ijazah masing-masing. Ini di kampus Shah Alam sahaja. Kalau dicampurkan dengan kampus autonomi kita di seluruh Malaysia, jumlah graduan yang tamat pengajian masing-masing pada konvokesyen kali ini berjumlah 21,949 orang.

Pada sidang kelima ini, seramai 978 lagi lulusan **Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi** telah menerima ijazah dan diploma masing-masing sebagaimana yang kita saksikan sebentar tadi.

Hadirin yang dimuliakan,

Hari ini adalah hari yang sangat bermakna bukan sahaja kepada para graduan, malah kepada kita semua. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah khususnya kepada para graduan.

Kepada ibu bapa, saya percaya kejayaan anak-anak kita ini adalah merupakan saat-saat yang kita telah tunggu sekian lama. Saya amat berkeyakinan bahawa kejayaan yang dicapai oleh para graduan adalah juga merupakan sumbangan serta pengorbanan yang dicurahkan oleh ibu bapa serta para pensyarah pada setiap masa.

Sebagai tanda penghargaan, penghormatan serta sikap mengenang budi kita kepada ibu bapa serta para pensyarah, saya bersukacita untuk menjemput graduan semua memberikan tepukan kepada mereka.

... Terima kasih.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sejak diasaskan seawal tahun 1956, iaitu kira-kira 58 tahun lampau, UiTM sedar bahawa memandu dan mendorong perubahan dalam kalangan bangsa Melayu khususnya memerlukan pendekatan yang cermat, bijak dan sabar.

Memartabatkan bangsa adalah antara tugas utama universiti ini. Atas sebab itulah barangkali hadirin sekalian mungkin menyedari

betapa universiti ini mempunyai kelainan yang menonjol berbanding universiti-universiti lain. Universiti ini seringkali menjadi fokus paparan media cetak seperti suratkhobar umpamanya, dan kerap kali pula dijadikan modal bagi tajuk perbualan bukan sahaja di kalangan ibu bapa, malah di kalangan pemimpin politik tertinggi.

Ini tidak lain kerana UiTM dilihat sebagai satu-satunya universiti bangsa Melayu yang diharapkan untuk mendokong martabat bangsa. UiTM diharapkan untuk mempertingkatkan pencapaian bangsa Melayu khususnya dalam bidang-bidang profesional. Ternyata, apa yang telah UiTM laksanakan setakat ini melebihi daripada apa yang dijangkakan sebelum ini.

Pembangunan fizikal UiTM berlaku dengan pantas. Kini, UiTM mempunyai 13 kampus cawangan serta 5 kampus satelit yang dibina berinisiatifkan pembiayaan swasta.

Dalam usaha mentadbir program-program akademik, UiTM mempunyai 25 buah fakulti serta 3 pusat pengajian yang menguruskan pelbagai bidang yang dianggap *niche* dan sangat diperlukan oleh industri khususnya.

Saya sedar bahawa kita memikul tanggungjawab yang besar dalam memberi kehidupan yang terbaik kepada anak-anak kita. Untuk tujuan tersebut, pelbagai kemudahan di universiti ini sentiasa ditambah serta diperbaiki bagi menampung bilangan mahasiswa-mahasiswi yang sentiasa meningkat.

Pembangunan akademik menjadi keutamaan UiTM. Saya faham dan sedar, sebagai sebuah universiti yang menjadi sandaran bangsa, graduan UiTM sebenarnya perlu diasuh dan dilatih untuk menjadi cekap, berhemah, berwawasan, kreatif, profesional, dan cecal dalam membangunkan industri pekerjaan.

Untuk tujuan tersebut, pelbagai kemudahan asas dan sokongan ditambah dari semasa ke semasa. Selain itu, pembangunan insan dalam pelbagai bentuk dan cara sentiasa diutamakan demi pembangunan sahsiah graduan yang diusahakan universiti ini akan dapat menjulang nama bangsa kita di arena tempatan dan antarabangsa.

Kalau melihat dari segi pasaran pekerjaan, graduan UiTM dihormati dalam kalangan majikan. Keupayaan mereka menyesuaikan diri dan menggunakan pelbagai kemahiran dalam pekerjaan sentiasa dihargai institusi-institusi tersebut.

Kesimpulannya, tuan-tuan dan puan-puan, apa yang UiTM laksanakan sehingga kini adalah merupakan komitmen yang tidak berbelah bagi daripada setiap warga UiTM.

Oleh yang demikian, pada kesempatan ini, saya berharap semoga ibu bapa serta graduan dapat menyedari, dan insaf, bahawa apa pun yang UiTM laksanakan selama ini adalah semata-mata demi kejayaan dan masa depan cemerlang graduan sendiri.

UiTM melihat jauh ke hadapan. Banyak strategi serta tindakan yang kita susun menjurus kepada menyediakan generasi graduan bangsa yang berketrampilan dan berkualiti tinggi.

Kita berhasrat untuk melahirkan generasi graduan Muslim yang bakal menjadi eksekutif bumiputera yang profesional untuk pembangunan bangsa, agama dan negara.

UiTM sentiasa berpendirian tegas dan menolak sebarang unsur-unsur ekstrim sama ada dari sudut agama, mahupun dari segi yang lain dalam kehidupan sehari-hari.

Perkara ini sentiasa kita tegaskan tanpa bertolak ansur. Inilah kualiti yang ditunjukkan oleh lulusan Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi yang kita raikan pada Sidang kelima ini.

Saya amat berharap semoga, selepas ini, para graduan akan terus bertekad untuk berusaha keras, tanpa jemu, namun berwawasan untuk menjadi individu yang mengenang budi, berterima kasih, dan sentiasa menyimpan niat untuk membalas budi mereka yang pernah berjasa kepada anda semua.

Ibu bapa merupakan pihak pertama yang memerlukan budi anda. Hargai peranan serta pengorbanan ibu bapa yang tidak pernah

berkira dalam hal-hal yang menyentuh kesejahteraan anak-anak mereka.

Sidang hadirin yang dimuliakan,

Saya percaya, sekiranya para graduan sekalian bijak mengatur langkah seterusnya, dalam meniti kehidupan di luar ruang lingkup gedung ilmu ini, maka terjamin dan bahagialah kehidupan para graduan sekalian di hari mendatang, **insya-Allah.**

Justeru, saya minta para graduan sekalian berdiri bersama saya, untuk memberi tepukan gemuruh sebagai penghormatan kepada ibu bapa, penjaga dan juga para pensyarah, yang telah mencurahkan bakti dan berkorban

segalanya dengan penuh kasih sayang, sehingga membawa kepada kejayaan anda hari ini.

Saya juga berdoa semoga graduan sekalian insaf akan kedudukan bangsa yang sentiasa memerlukan perhatian dan keutamaan daripada saudara-saudari.

Saya memohon para graduan untuk mengenang barang sejenak betapa segala apa yang saudara-saudari kecapi pada hari ini sebenarnya merupakan perancangan rapi serta wawasan kerajaan negara kita yang sentiasa memikirkan mengenai kemanfaatan kita semua.

Para graduan sekalian,

Sekali lagi, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan saudara-saudari semua. Saya berdoa semoga saudara-

saudari akan terus maju jaya dalam segala lapangan yang diceburi dan usahakan. Dan biar di mana sekalipun saudara-saudari berada, berikanlah tempat yang istimewa kepada UiTM di sudut hati saudara-saudari. Biarlah UiTM ini sentiasa menjadi perkiraan dalam apa sahaja perancangan yang saudara-saudari lakukan.

Untuk makluman, video yang di tayangkan di awal majlis istiadat ini tadi, merupakan kisah seorang anak destini.

Sebagai tanda sokongan kepada program ini, 'Buku Mencorak Destini' ada di jual di kaunter luar dewan ini. Separuh dari Hasil jualan buku ini akan di salurkan kepada Tabung Mencorak Destini, ayuhlah sama-sama kita menyokong usah ini bagi memberi peluang kepada

mereka yang tercicir untuk melangkah ke menara gading ini.

Bersempena sambutan hari ibu, saya ingin mengucapkan “Selamat Hari Ibu”. Sememangnya kasih ibu sangat dekat dihati saya. Hargailah pengorbanan, kasih sayang dan rasa kecintaan terhadap ibu kita.

Sebagai penutup bicara, untuk tatapan sidang hadirin sekalian, marilah sama-sama kita saksikan video ringkas ini. Semoga mendapat pengajaran darinya.

Sekian, Wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

TEKS UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATO' SRI
SALLEHUDDIN MOHAMED**

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 80

14 MEI 2014 (RABU)

SIDANG KEENAM

UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATO' SRI
SALLEHUDDIN MOHAMED**

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE - 80

SIDANG KEENAM (PAGI)

.....
Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Assalamua'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita berhimpun di sini untuk sama-sama meraikan istiadat konvokesyen yang penuh bermakna dan gilang-gemilang ini. Sukacita saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada saudara-saudari di atas kejayaan dan pencapaian dalam bidang masing-masing. Sekalung tahniah juga buat tenaga akademik dan pentadbiran universiti serta ibu bapa dan kaum keluarga yang telah turut sama menjalani peranan membentuk acuan kejayaan saudara-saudari sekalian.

Sidang penganugerahan diploma dan ijazah sarjana muda pada sidang keenam ini melibatkan graduan dari **Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka seramai 716 graduan**, serta **Fakulti Muzik seramai 81 graduan** . Meskipun saudara-saudari

mewakili fakulti yang berlainan namun sidang yang mempertemukan saudara-saudari di bawah satu bumbung ini cukup bererti dalam menghayati mesej serta berkongsi erti kejayaan bersama. Semoga kejayaan saudara-saudari hari ini menjadi **landasan** kepada kita **merealisasikan** hasrat menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang 2020.

Para graduan serta hadirin sekalian,

UiTM adalah sebahagian daripada agenda nasional untuk mengangkat martabat bangsa kita. Sehingga kini, UiTM telah berjaya **merealisasikan** sebahagian besar daripada agenda ini dengan melahirkan profesional dan usahawan bumiputera yang berjaya dan mampu bersaing dengan bangsa-bangsa lain.

Bagi **merealisasikan** hasrat ini, kaum bumiputera perlu meletakkan sasaran untuk memperolehi pencapaian yang seimbang dengan pencapaian kaum-kaum lain di Malaysia.

Untuk mencapai sasaran ini, kaum bumiputera perlu mengubah paradigma dengan memberi sokongan dan kerjasama sesama kaum. Hanya melalui perpaduan kaum sahaja keinginan tersebut boleh dicapai. Ada beberapa nilai yang perlu dimiliki oleh kaum bumiputera untuk mencapai hasrat ini, iaitu nilai integriti, berilmu dan bekerja keras.

Saudara-saudari harus mempunyai integriti dan berpendirian tinggi, menepati masa serta berkebolehan bekerja dalam suasana yang sukar. Walaupun penggunaan budi bicara ditekankan kepada saudara-saudari, tetapi saudara-saudari harus ingat bahawa mempunyai sifat **ketegasan** adalah sama penting. Ini bererti jika sesuatu keputusan dibuat ia harus ditepati tanpa **berkompromi**. Ini akan memastikan saudara-saudari konsisten dalam membuat keputusan serta tidak senang dipengaruhi oleh pihak lain.

Justeru itu, memandangkan pelbagai tugas yang akan dipikul, saudara-saudari diharap **berkebolehan** dalam serba serbi. Dalam erti kata lain, saudara-saudari harus *versatile* dan boleh dibawa ke kiri dan ke kanan.

Saudara-saudari mungkin mengaitkan diri saudara-saudari dengan dunia pekerjaan. Perlu dingat jika saudara-saudari fikir kehidupan sebagai pelajar adalah sukar, kehidupan sebagai pekerja, majikan atau usahawan adalah lebih sukar. "The outside world is tougher."

Penyediaan untuk para graduan menghadapi dunia pekerjaan memang difahami oleh UiTM. Oleh sebab itulah, aktiviti

ko-kurikulum setiap program diploma dan ijazah di UiTM meliputi pelbagai aktiviti akademik dan bukan akademik untuk membentuk diri saudara-saudari sebagai insan holistik. Justeru itu saudara-saudari diharap telah menerima manfaat untuk

mempersiapkan diri untuk dunia pekerjaan semasa berada di UiTM.

Oleh yang demikian, pada hari ini saya ingin menyeru kepada saudara saudari sekalian supaya segera merebut peluang-peluang yang ada, menceburi bidang-bidang keusahawanan, membuka firma atau syarikat-syarikat sendiri yang mampu mewujudkan rangkaian peluang pekerjaan kepada lepasan UiTM.

Bagi memenuhi agenda mambangunkan modal insan kelas pertama, UiTM sentiasa menekankan integriti tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran. Atas kesedaran itu, **Fakulti Seni Lukis & Seni Reka** dan **Fakulti Muzik** telah menjalinkan kerjasama dengan institusi atau organisasi luar sebagai platform untuk memberi ruang dan peluang kepada para pelajar untuk mengadunkan aspek teori dan amali dalam hasil karya

dan seni mereka. Kerjasama yang baik antara fakulti dan pihak luar telah memberi manfaat yang banyak kepada pelajar. Diharapkan hubungan antara dua pihak ini berterusan dalam **memperkembangkan** kesenian, rekaan dan budaya, serta industri muzik di Malaysia.

Graduan yang dikasihi,

Hari ini adalah permulaan janaan saudara-saudari ke suatu tahap yang lebih tinggi, capailah seberapa yang boleh. Namun, setinggi mana pun saudara-saudari berada, saya mengharapkan jangan sesekali lupa pengorbanan **ibu bapa yang sentiasa berdoa untuk kejayaan saudara-saudari, berkorban wang ringgit dan tenaga.**

Tidak dilupa juga para pensyarah yang pernah membimbing saudara-saudari dan juga institusi ini, yang banyak membantu sehingga berjaya.

Marilah kita memberi penghargaan dan terima kasih kepada para pensyarah dan seluruh warga UiTM yang telah mengorbankan ilmu, masa dan tenaga mereka untuk mendidik saudara-saudari. Jasa dan pengorbanan mereka ibarat lilin yang membakar diri untuk menerangi kegelapan. Jadilah anak bangsa yang sentiasa mengenang budi, bertanggungjawab, beriltizam dan bersyukur kepada kerajaan yang sentiasa prihatin akan keperluan saudara-saudari. Peliharalah nama baik UiTM dan hulurkanlah bantuan untuk meneruskan tradisi gemilang UiTM walaupun saudara-saudari telah meninggalkan UiTM.

Sekali lagi, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan saudara-saudari semua. Saya berdoa semoga saudara-saudari semua akan terus cemerlang dan berjaya dalam segala lapangan yang diceburi.

Sekalung tahniah kepada Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka serta Fakulti Muzik yang telah berjaya mengeluarkan graduan cemerlang pada hari ini.

Kepada saudara-saudari yang ingin berbakti kepada universiti tercinta ini, mulakanlah dengan menyumbang sekurang-kurangnya RM10.00 ke Tabung Sumbangan Alumni yang disediakan di luar dewan. Melalui sumbangan alumni, diharapkan dana yang terkumpul akan terus bertambah dan akan membolehkan lebih ramai siswa-siswi UiTM dapat terus belajar tanpa masalah kewangan.

Ini sekali gus dapat mengurangkan **kebergantungan** kepada kewangan kerajaan. Selamat menempuhi alam pekerjaan dalam bidang yang diceburi. Semoga sumbangan kita ini mendapat **keredhaan** Allah Subhanahu Wataala.

Syabas kepada para graduan di atas pencapaian yang memberangsangkan ini.

Sekian, wabillahi Taufik Walhidayah Wasalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

TEKS UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATO' SRI
SALLEHUDDIN MOHAMED**

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 80

14 MEI 2014 (RABU)

SIDANG KETUJUH

UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATO' SRI
SALLEHUDDIN MOHAMED**

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 80

SIDANG KETUJUH (PETANG)

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan rahmat-Nya mengizinkan kita bertemu di dalam Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA ke-80 ini. Gabungan seramai seribu tujuh (1,007) orang graduan dari **Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur** serta **Fakulti Undang-Undang** akan menerima ijazah masing-masing pada petang ini.

Sidang 7 Konvokesyen UiTM ini meraikan para graduan di dalam satu istiadat yang sangat bermakna, bukan sahaja kepada mereka, tetapi juga kepada **ibu bapa** penjaga yang selama ini menjadi tunjang dan tulang belakang di dalam perjuangan anak-anak kita mencari ilmu. Kesyukuran berterusan kepada Allah S.W.T **sewajibnya**

disampaikan kerana pada hari yang istimewa ini anak-anak diberi peluang merasai nikmat bergelar mahasiswa. Seperti pepatah Arab yang menyebut, *“Akar kejayaan adalah pahit, tetapi buahnya amatlah manis”*.

Hadirin yang saya muliakan,

Di antara objektif penubuhan UiTM adalah memastikan **produk** UiTM bukan sahaja dapat memenuhi pasaran guna tenaga manusia tempatan, malah juga bersedia berkhidmat di peringkat global. UiTM **menggalas** tanggungjawab dan misi besar ini. Secara purata, 80% daripada keseluruhan graduan UiTM mendapat pekerjaan dalam masa 6 bulan tamat pengajian.

Pada saya, amat penting untuk menonjolkan bahawa UiTM mempunyai graduan-graduan yang dapat memenuhi kehendak tempatan dan juga global. Persaingan sengit di peringkat global dan lokal ini memerlukan para graduan dan semua tenaga kerja di UiTM mempunyai **semangat dan daya saing yang tinggi**. Hari ini, seramai **617** graduan dari Fakulti Seni Bina, Perancangan dan Ukur serta **390** graduan dari Fakulti Undang-Undang akan mula menyahut cabaran tersebut.

Sesungguhnya, kedua-dua fakulti ini telah **bersiap sedia** melalui pelbagai kaedah. Kesemua mereka ini sudah tentunya diberi peluang dan pendedahan mengenai persekitaran arkitektur dan aspek-aspek amalan guaman.

Dari aspek teori, kuliah diberikan seperti biasa. Namun mereka diberi pendedahan dengan kepakaran yang tinggi, misalnya menjadi arkitek profesional atau peguamcara yang berjaya. Disebabkan amalan profesional ini, maka kedua-dua fakulti ini menjadi pilihan utama para pelajar ketika memohon masuk ke UiTM.

Sidang hadirin yang dikasihi,

Saya amat berbangga, selangkah demi selangkah UiTM telah menapak ke arah keunggulan berterusan. UiTM telah dinobatkan sebagai '**Entrepreneurial** University of the Year' atau Universiti Keusahawanan bagi tahun 2012 dan 2013. Pencapaian ini amat bermakna kerana

penguasaan ekonomi oleh bumiputera mesti disemai sepenuhnya di peringkat universiti.

Selama hampir setengah abad penubuhannya, sistem UiTM telah melatih hampir setengah juta penduduk bumiputera Malaysia. Sumbangan pendidikan UiTM kepada seorang bumiputera di dalam setiap lima puluh orang penduduk Malaysia ini mesti dipertingkatkan lagi. Maka sebab itulah, UiTM menerusi program-program pengajiannya terus mendokong seruan ini.

Pelbagai aktiviti yang menjuruskan pelajar dengan perniagaan sentiasa diberi keutamaan. Aktiviti ini

menggalakkan keupayaan **keusahawanan** di kalangan bakal graduan agar tidak bergantung kepada kerja makan gaji semata-mata. Seperti pesan Rasulullah S.A.W, 9/10 rezeki itu datangnya daripada perniagaan.

Hadirin yang saya hormati,

Menjadi graduan adalah impian ramai orang. Menjadi graduan bermakna hampir lengkap kehidupan seseorang itu, di mana salah satu keperluan baginya adalah ilmu.

Saya ingin menasihati para graduan sekalian, apabila anda melangkah keluar dari dewan ini, ke alam pekerjaan

yang sebenar, lihatlah dunia melalui mata hatimu, bukannya memegang dunia melalui hujung jarimu.

Seperti kata Jalaluddin Rumi, menerusi episod *"Pertemuan duta Rum dengan Saidina Umar r.a."*:

Letakkan hujung jari engkau di kedua-dua mata engkau, dapatkah engkau melihat dunia ini? Bersikap adillah (akuilah, engkau tidak dapat melihat apa pun).

Jika engkau tidak nampak dunia ini, bukan bermakna ia tidak wujud:

Kesalahannya terletak pada jari-jari jiwa engkau yang jahat.

Sila alihkan jari-jari itu daripada mata engkau,

Dan lihatlah apa sahaja yang engkau inginkan.

Saya memohon agar saudara-saudari renungilah kata-kata dan **bait-bait** indah yang saya ucapkan sebentar tadi, semoga kita semua mendapat rahmat dan hidayah dari Allah yang Maha Esa dan sentiasa mendapat perlindungan dari-Nya.

Hadirin sekalian,

Kejayaan para graduan ini bukanlah semata-mata hasil penat lelah dan jerih mereka sahaja. Terdapat banyak pihak yang terlibat di dalam perjuangan anak-anak kita ini terutama daripada ibu bapa yang kita kasihi. Doa dan sokongan padu ibu bapa dan keluarga adalah sangat bermakna dan tidak wajar dilupakan. Ingatilah jasa dan pengorbanan mereka dalam mencari rezeki bagi menampung pembiayaan saudara-saudari semasa di UiTM.

Begitu juga dengan pengorbanan dan jasa para pensyarah yang tidak jemu mendidik saudara-saudari. Panjatkan doa memohon kesejahteraan mereka sebagai hadiah di atas ilmu yang dicurahkan.

Kepada pensyarah **Fakulti Undang-Undang** dan **Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur**, tahniah saya ucapkan atas kejayaan tuan-tuan mendidik anak bangsa sehingga ke tahap ini. Sesungguhnya pengorbanan dan jasa tuan-tuan yang menggunung itu tidak terbalas sehingga ke akhir hayat.

Hadirin sekalian,

Akhir kata, setinggi-tinggi tahniah dan syabas di atas kejayaan saudara-saudari semua. Doa dan harapan kami agar anda menjadi insan yang berguna kepada agama, bangsa dan negara.

Wabillahi taufiq walhidaayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.

TEKS UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATO' SRI
SALLEHUDDIN MOHAMED**

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 80

15 MEI 2014 (KHAMIS)

SIDANG KELAPAN

UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATO' SRI
SALLEHUDDIN MOHAMED**

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 80

SIDANG KELAPAN (PAGI)

.....
Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Assalamua'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya dapat kita bertemu pada pagi yang bersejarah ini untuk bersama-sama meraikan Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA kali yang ke-80.

Dalam istiadat gilang-gemilang ini, suka saya mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada 637 orang graduan ijazah sarjana muda dan 147 graduan diploma dari **Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, Fakulti Sains Kesihatan, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media,** serta **Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi** kerana telah berjaya menamatkan pengajian setelah bertungkus-lumus menghadapi cabaran sebagai pelajar di UiTM.

Ini juga memberi petanda bahawa para graduan sebenarnya telah mengurniakan sebuah hadiah yang tidak ternilai kepada ibu bapa, suami atau isteri, para pensyarah dan bekas guru-guru ketika saudara-saudari bersekolah dahulu. Sesungguhnya usaha dan pengorbanan mereka selama ini tidak sia-sia, sebaliknya membuahkan hasil yang memberi harapan untuk satu kehidupan yang terjamin dan cemerlang pada masa hadapan, Insya-Allah.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada ibu bapa, suami atau isteri, para pensyarah, dan guru-guru kerana dengan berkat usaha tuan-tuan dan puan-puan selama ini, ianya telah membuahkan hasil seperti yang kita saksikan hari ini.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Saya ingin mengucapkan sekalung tahniah kepada **Fakulti Perladangan dan Agroteknologi** atas kejayaan penubuhannya pada Julai 2010. Meskipun fakulti ini masih muda, ia mempunyai aspirasi yang sangat besar dalam memacu hala tuju fakulti agar dapat memenuhi cabaran dan kehendak global.

Dengan adanya penawaran program diploma dan ijazah di kampus Shah Alam dan kampus-kampus cawangan di seluruh negara, fakulti ini kini telah menjadi sebuah fakulti yang mantap dan mampu memenuhi aspirasi UiTM dalam melahirkan modal insan yang hebat dalam bidang perladangan.

Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan syabas kepada **Fakulti Sains Kesihatan** yang bergerak ke hadapan mengorak langkah melahirkan anak bangsa bumiputra dalam

bidang sains kesihatan dan bidang-bidang lain yang berkaitan. Ingin saya nyatakan di sini bahawa setakat ini tiga program dari fakulti ini telah mendapat pengiktirafan antarabangsa iaitu Sarjana Muda **Pengimejan** Perubatan, Sarjana Muda Kesihatan Persekitaran, dan Sarjana Muda **Fisioterapi**.

Tidak lupa juga kepada **Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media** yang berjaya melahirkan graduan **berkompetensi** tinggi dalam bidang komunikasi dan media. Dalam era masyarakat **bermaklumat**, fakulti ini telah berjaya melahirkan ramai pengamal media, termasuk pemimpin dan pengurus utama media cetak dan elektronik dalam negara ini. Fakulti ini juga sentiasa melahirkan graduan yang beretika dan bersedia menangani cabaran serta keperluan industri, globalisasi dan masyarakat bermaklumat.

Saya juga dimaklumkan bahawa fakulti ini mempunyai makmal-makmal pengajaran dan **pembelajaran** seperti studio radio dan televisyen dan juga mengendalikan Radio UiTM yang bersiaran dari jam 7.00 pagi sehingga 10 malam.

Pagi ini juga kita turut menyaksikan graduan-graduan dari **Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi** meraikan kejayaan masing-masing. Pada tahun 2013, sejumlah 748 graduan telahpun menamatkan pengajian masing-masing. Dari jumlah itu sebanyak 222 orang telahpun mendapat pekerjaan tetap. Manakala mereka yang menyambungkan pengajian ialah sebanyak 323 orang. Jumlah mereka yang bekerja separuh masa atau kontrak pula ialah seramai 203 orang.

Berdasarkan statistik yang diberikan tadi, boleh saya rumuskan bahawa kadar antara 20 hingga 30 peratus graduan yang tidak mendapat pekerjaan tetap itu pada setiap tahun adalah satu angka yang logik dan harus dilihat dengan cara yang lebih positif terutama bagi mengisi pelbagai peluang lain khususnya dalam bidang keusahawanan dan penghasilan teknologi tempatan berkaitan dengan sukan.

Menjelang 2015, sukan tidak lagi dilihat sebagai suatu aktiviti riadah atau penjagaan kesihatan sahaja, malah berupaya menjana ekonomi dan menyumbang kepada pendapatan negara sepertimana yang dilakukan oleh negara-negara maju.

Para graduan yang diraikan,

Dunia hari ini penuh dengan prospek dan cabaran. Kini, para graduan akan berhadapan dengan pelbagai rintangan dan pahit

manis dunia pekerjaan. Oleh itu, bersedialah dari sekarang. **Persiapkanlah** diri saudara-saudari dengan segala ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi dari UiTM atau sumber-sumber lain untuk menjadi generasi muda yang **berwawasan**, kompetitif, dan setanding dengan bangsa-bangsa lain. Sambutlah apa jua cabaran yang mendatang dalam konteks **global** serta jangan pula lupa “di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung”.

Beradanya saudara-saudari di UiTM ini bukanlah kerana ia suatu keistimewaan, sebaliknya ia merupakan satu kepercayaan yang diberikan setelah dipilih menjalankan tanggungjawab untuk agama, nusa, dan bangsa.

Hari ini adalah permulaan jalaran saudara-saudari ke suatu tahap yang lebih tinggi, capailah seberapa yang boleh. Namun, setinggi

mana pun saudara-saudari berada, saya mengharapkan jangan sesekali lupa pengorbanan ibu bapa, penjaga dan para pensyarah yang pernah membimbing saudara-saudari serta institusi ini yang banyak membantu saudara-saudari sehingga berjaya.

Marilah kita memberi penghargaan dan terima kasih kepada para pensyarah dan seluruh warga UiTM yang telah mengorbankan ilmu, masa dan tenaga mereka untuk mendidik saudara-saudari. Jasa dan pengorbanan mereka ibarat **lilin yang membakar diri untuk menerangi kegelapan**. Jadilah anak bangsa yang sentiasa mengenang budi, bertanggungjawab, **beriltizam** dan bersyukur kepada kerajaan yang sentiasa prihatin akan keperluan saudara-saudari. Peliharalah nama baik UiTM dan hulurkanlah bantuan untuk meneruskan tradisi gemilang UiTM walaupun saudara-saudari telah meninggalkan UiTM.

Akhir kata, sekali lagi saya ucapkan syabas kepada graduan atas pencapaian yang memberangsangkan ini. Ingatlah jangan jadikan masa depan saudara-saudari sebagai eksperimen oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan **petualang** negara, sebaliknya jadikanlah diri saudara-saudari sebagai individu yang kompetitif dalam menghadapi kehidupan di dunia dan akhirat.

Tinggi-tinggi gunung melangit,

Daun selasih di tapak tangan,

Jika menghitung bintang di langit,

Rumput di bumi dilupa jangan.

Sekian, waabilahi Taufik wal hidayah, wasalamualaikum

waarahmatulahi waabarakatuh. Terima kasih.

TEKS UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATO' SRI
SALLEHUDDIN MOHAMED**

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 80

15 MEI 2014 (KHAMIS)

SIDANG KESEMBILAN

UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATO' SRI
SALLEHUDDIN MOHAMED**

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 80

SIDANG KESEMBILAN (PETANG)

.....
Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Assalamua'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T, selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Bersyukur kita di atas limpah kurnia dan izin-Nya yang membolehkan kita semua hadir pada sidang yang kesembilan, Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA ke-80. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada sidang hadirin, khasnya para graduan serta keluarga tersayang, yang datang dari dekat dan jauh, bertujuan untuk sama-sama meraikan kejayaan buat para graduan semua.

Sebentar tadi kita telah pun sama-sama menyaksikan penganugerahan ijazah sarjana muda dan diploma kepada seramai **900** graduan dari **Fakulti Filem, Teater dan Animasi, Fakulti Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Fakulti Kejuruteraan Kimia.**

Tahniah dan syabas saya ucapkan di atas kejayaan pada hari ini. Kejayaan saudara-saudari tidak mungkin terhasil tanpa usaha yang gigih serta doa kita semua. Kejayaan saudara-saudari juga merupakan satu penghormatan kepada UiTM, bangsa dan negara. Kejayaan sesebuah negara pula akan terhasil dari rakyatnya yang **berpendidikan** tinggi yang mampu untuk bersaing di pasaran terbuka. Justeru, pelaburan negara dalam menyediakan prasarana pendidikan yang terbaik telah menghasilkan saudara-saudari sebagai modal insan yang diharapkan dapat membantu memacu kejayaan seiring dengan negara-negara maju di dunia.

Para Hadirin yang dihormati sekalian,

Fakulti Filem, Teater dan Animasi telah berjaya melahirkan ribuan graduan yang telah memasuki pasaran dan ramai juga telah melakar nama di dalam bidang hiburan sama ada dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa.

Hiburan adalah merupakan satu cabang keperluan kemanusiaan. Seni dan daya kreativiti perlu **digarab** halus bagi menghasilkan kesan kepada penonton. Justeru, hiburan memerlukan satu kaedah tersusun dan berakhlak agar seni dan kreativiti dapat mencapai matlamat sasaran. Filem, Teater dan Animasi mempunyai pengaruh besar di dalam pembentukan sesebuah masyarakat. Ia mampu untuk menyalur ilmu dan pendidikan kepada khalayak dan boleh menjadi contoh dan ikutan manusia.

Fakulti Kejuruteraan Awam pula merupakan sebuah Jabatan terawal ditubuhkan 40 tahun yang lalu sebelum menjadi sebuah fakulti di bawah UiTM. Kejayaan demi kejayaan telah dihasilkan oleh graduan kejuruteraan awam. Mereka bukan sahaja **mewarnai** kejayaan di peringkat negara sahaja, malah di peringkat antarabangsa. Segala usaha yang berterusan telah dilakukan agar pencapaian fakulti ini akan terus menjadi kebanggaan UiTM dan negara.

Alhamdulillah, dengan iltizam yang tinggi dan usaha gigih, baru-baru ini, **Fakulti Kejuruteraan Awam** telah memperolehi akreditasi dari **Engineering Accreditation Council** selama lima tahun berterusan bagi program Ijazah Sarjana Muda atau EAC. EAC adalah merupakan satu badan yang memberi pengiktirafan kualiti pengajian bertaraf antarabangsa kepada semua program kejuruteraan di semua institusi pengajian tinggi di Malaysia. Oleh yang demikian hasil daripada pengiktirafan ini, semua graduan Kejuruteraan Awam UiTM akan diiktiraf terus sebagai jurutera oleh Lembaga Jurutera Malaysia.

Hadirin sekalian,

Keperihatinan dan kepekaan terhadap arus perubahan global dunia ilmu merupakan satu pendekatan, agar sistem pendidikan yang dilaksanakan sentiasa relevan dan berkesan dalam menyediakan bakal jurutera yang bertaraf antarabangsa. Pendekatan ini juga telah diambil oleh **Fakulti Kejuruteraan Elektrik**.

Sejajar dengan hasrat untuk **merealisasikan** aspirasi yang murni ini, fakulti ini menawarkan beberapa program pengajian berasaskan kepada sistem penilaian dari luar negara yang diiktiraf dan dilaksanakan oleh EAC. Secara tidak langsung, pengiktirafan dari EAC ini dapat menghasilkan graduan yang mencapai satu **piawaian kompetensi** mengikut kehendak badan-badan profesional yang boleh diterima oleh sektor perjawatan swasta, kerajaan dan juga di peringkat antarabangsa.

Sejarah telah membuktikan bahawa graduan Kejuruteraan Elektrik boleh ditakrifkan sebagai “*Graduates **Employability***” yang mana lazimnya lebih daripada 80% graduan telah pun mendapat pekerjaan dalam jangkamasa 6 bulan setelah tamat pengajian.

Bagi para pelajar **Fakulti Kejuruteraan Kimia**, mereka ini telah melalui program-program yang mendapat pengiktirafan sepenuhnya oleh pihak Lembaga Jurutera Malaysia dan juga ***Institute of Chemical Engineering, United Kingdom***. Pengiktirafan

ini membuktikan bahawa graduan yang dihasilkan oleh Fakulti Kejuruteraan Kimia adalah berkualiti dan bertaraf antarabangsa. Maka tidak hairanlah graduan kejuruteraan kimia UiTM telah mendapat pekerjaan dalam industri terutamanya industri berasaskan kimia yang **dipelopori** oleh syarikat-syarikat antarabangsa.

Para Graduan Sekalian,

Suasana alam pekerjaan adalah amat mencabar di luar sana. Persaingan untuk menjadi yang terbaik di antara yang terbaik memerlukan **jati diri** dan daya saing yang tinggi. Saudara-saudari perlu mempersiapkan diri untuk membuktikan bahawa saudara-saudari adalah **pewaris kecemerlangan** dan sentiasa **terkehadapan** dalam apa jua jurusan. Sikap **kebergantungan** perlu dikurangkan supaya saudara-saudari dapat terus meneroka kebolehan sendiri untuk merentasi arus kegemilangan. Kita perlu berjiwa besar dan sanggup untuk menghadapi segala bentuk

cabaran yang mendatang hanya untuk membuktikan bahawa kita mampu untuk mencipta kejayaan.

Hari ini adalah permulaan janan saudara-saudari ke suatu tahap yang lebih tinggi.

Capailah seberapa yang boleh. Namun, setinggi mana pun saudara-saudari berada, saya mengharapkan jangan sesekali lupa pengorbanan ibu bapa, penjaga dan para pensyarah yang pernah membimbing saudara-saudari serta institusi ini yang banyak membantu saudara-saudari sehingga berjaya.

Marilah kita memberi penghargaan dan terima kasih kepada para pensyarah dan seluruh warga UiTM yang telah mengorbankan ilmu, masa dan tenaga mereka untuk mendidik saudara-saudari.

Jasa dan pengorbanan mereka ibarat lilin yang **membakar diri**

untuk menerangi kegelapan. Jadilah anak bangsa yang sentiasa mengenang budi, bertanggungjawab, **beriltizam** dan bersyukur kepada kerajaan yang sentiasa prihatin akan keperluan saudara-saudari. Peliharalah nama baik UiTM dan hulurkanlah bantuan untuk meneruskan tradisi gemilang UiTM walaupun saudara-saudari telah meninggalkan UiTM.

Kepada saudara-saudari yang ingin berbakti kepada universiti tercinta ini, mulakanlah dengan menyumbang sekurang-kurangnya RM10.00 ke Tabung Sumbangan Alumni yang disediakan di luar dewan. Melalui sumbangan alumni, diharap dana yang terkumpul akan terus bertambah dan akan membolehkan lebih ramai siswa-siswi UiTM dapat terus belajar tanpa masalah kewangan dan sekali gus kita dapat mengurangkan **kebergantungan** kepada kewangan kerajaan.

Selamat menempuhi alam pekerjaan dalam bidang yang diceburi.
Semoga sumbangan kita ini mendapat keredhaan Allah
Subhanahu Wataala.

Syabas kepada para graduan di atas pencapaian yang
memberangsangkan ini.

Sekian, wabillahi Taufik Walhidayah Wasalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

TEKS UCAPAN

YBHG. TAN SRI DATO' SERI ARSHAD AYUB

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 80

18 MEI 2014 (AHAD)

SIDANG KESEPULUH

UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATO' SERI ARSHAD AYUB
PRO-CANSELOR UiTM
DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 80
SIDANG KESEPULUH (PAGI)**

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Prof Dr Hajah Azni Zain Ahmed
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)
- Prof. Dato' Dr. Abdullah Mohamad Said
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar)
- Prof Ir Dr Haji Abdul Rahman Omar
Timbalan Naib Canselor
Penyelidikan dan Inovasi
- Prof Dr Hajah Norsaadah Hj Ismail
Timbalan Naib Canselor
Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni
- Dr Hajah Zahrah Mokhtar
Pendaftar
- Tuan Haji Sanip Wahid
Bendahari
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor

- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya, kita dapat bertemu untuk bersama-sama meraikan Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA ke-80 ini.

Pada hari yang bersejarah ini, saya mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada 871 graduan dari **Fakulti Pengurusan Maklumat** dan **Fakulti Pendidikan** kerana telah berjaya menamatkan pengajian setelah berhempas pulas menghadapi cabaran sebagai pelajar UiTM. Saudara-saudari tentunya berasa bangga kerana hari ini saudara-saudari telah berjaya mengurniakan satu hadiah istimewa yang tidak ternilai kepada ibu bapa, pensyarah dan negara.

Saya menghargai graduan semua kerana tidak mensia-siakan peluang yang ada. Saudara-saudari sudah membuktikan bahawa usaha dan pengorbanan selama ini, akhirnya membuahkan hasil yang memberikan harapan untuk suatu

kehidupan yang terjamin dan cemerlang untuk diri sendiri dan masyarakat Malaysia.

Justeru, saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada ibu bapa, para pensyarah dan guru-guru kerana usaha tuan-tuan dan puan-puan selama ini telah terbukti tidak sia-sia.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Tanggungjawab UiTM sebagai sebuah universiti untuk melahirkan lebih ramai profesional bumiputera amat besar. Sejak diasaskan seawal tahun 1956, UiTM sedar bahawa memandu dan mendorong perubahan di kalangan bumiputera khususnya memerlukan pendekatan yang cermat, bijak dan sabar.

Selain itu juga, matlamat universiti ini adalah untuk memartabatkan bangsa sejajar dengan objektif asal penubuhan

UiTM. Atas matlamat itulah, universiti ini berbeza jika dibandingkan dengan universiti-universiti yang lain. Dalam hal ini, Fakulti Pengurusan Maklumat dan Fakulti Pendidikan merangka program-program mereka ke arah penyediaan modal insan yang dapat mencapai objektif UiTM tersebut.

Bagi Fakulti Pengurusan Maklumat, beberapa program baru telah dibangunkan. Program Diploma Pengurusan Perpustakaan merupakan program baru yang mula ditawarkan pada sesi November 2013 dengan pengambilan pelajar seramai 48 orang pelajar. Manakala dua program baru iaitu Sarjana Pengurusan Rekod dan Dokumen serta Sarjana Pengurusan Rekod dan Maklumat Kesihatan akan memulakan pengambilan pada sesi September 2014 ini. Pertambahan tiga program baru ini akan menyumbang ke arah pembangunan pengurusan maklumat yang lebih efisien dan dinamik di negara ini.

Pihak fakulti juga sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran melalui usaha-usaha memperkemaskan kandungan kursus-kursus yang ditawarkan bagi memastikan keperluan pihak industri dipenuhi. Di samping itu pemindahan teknologi sains maklumat kepada pihak industri serta agensi kerajaan terus dijalankan dari semasa ke semasa. Fakulti juga terus mendekati masyarakat dengan mengadakan projek perhubungan awam serta kerjasama di dalam dan di luar negara dengan pelbagai agensi termasuk Perpustakaan Negara, perpustakaan awam, Arkib Negara dan sekolah-sekolah, serta penduduk setempat yang turut menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara dalam usaha menyemarakkan semangat 1Malaysia.

Bagi Fakulti Pendidikan pula, jumlah graduan yang baru menerima ijazah mereka sebentar tadi adalah seramai 68 orang daripada Program Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian TESL, Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Seni Lukis dan Seni Reka,

Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian Sains Biologi, Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian Sains Fizik dan program Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian Sains Kimia.

Fakulti Pendidikan UiTM hari ini bergerak pantas dengan kehendak Pelan Pembangunan Pendidikan Negara (PPPN) yang berteraskan lima ciri aspirasi utama iaitu Akses, Kualiti, Ekuiti, Perpaduan dan Kecekapan.

Fakulti Pendidikan juga dalam proses penstrukturan dan penjenamaan semula fakulti secara menyeluruh bagi menghadapi cabaran pendidikan masa kini dan masa akan datang khususnya dari aspek melihat prospek kerjaya yang lebih luas yang tidak lagi terbatas kepada prospek keguruan di peringkat sekolah sahaja. Ini juga bagi menangani profesion keguruan di peringkat sekolah yang mula dikurangkan

pengambilan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia kerana lebihan guru pada ketika ini.

Graduan Fakulti Pendidikan yang lalu telah membuktikan kejayaan mereka menerokai kerjaya yang lebih luas dan tidak terbatas untuk menjadi guru sekolah. Justeru itu Fakulti Pendidikan telah memasukkan elemen-elemen keusahawanan dalam semua aktiviti akademik dan aktiviti pelajar supaya pendedahan tentang prospek kerjaya yang berteraskan kepada keusahawanan ini dapat disuburkan.

Para graduan yang saya hormati,

Bergelar seorang graduan bukanlah titik penghujung yang menjadi destinasi muktamad. Bahkan ia adalah titik mula ke arah perjalanan yang lebih panjang dan penuh ranjau. Dalam menangani era globalisasi yang begitu mencabar, saya berharap semua graduan mampu menangkis ancaman-ancaman negatif yang boleh menjejaskan maruah diri, bangsa

dan agama. Jadilah graduan yang mampu menjadi kebanggaan ibu bapa dan keluarga, para pensyarah, sahabat handai dan kebanggaan bangsa dan negara. Semoga semua ilmu dan pengalaman yang diperolehi oleh graduan daripada Fakulti Pengurusan Maklumat dan Fakulti Pendidikan ini akan diamalkan dengan baik dan penuh beretika demi membangun masyarakat, bangsa dan negara agar lebih berdaya saing dan maju di mata dunia.

Biar di mana sekalipun kita berada, berikanlah tempat yang istimewa kepada UiTM di sudut hati kita.

Biarlah UiTM ini sentiasa menjadi perkiraan dalam apa sahaja perancangan yang kita lakukan.

Akhir kata, saya serta seluruh warga UiTM ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua graduan dan mendoakan agar saudara-saudari semua berupaya melalui liku-liku

kehidupan dengan ketabahan dan semangat yang tinggi. Kepada saudara-saudari yang ingin berbakti kepada universiti tercinta ini, mulakanlah dengan menyumbang sekurang-kurangnya RM10.00 ke Tabung Sumbangan Alumni yang disediakan di luar dewan. Melalui sumbangan alumni, diharap dana yang terkumpul akan terus bertambah dan akan membolehkan lebih ramai siswa-siswi UiTM dapat terus belajar tanpa masalah kewangan sekali gus kita dapat mengurangkan kebergantungan kepada bajet kerajaan.

Akhir kata:

Pemandangan indah di taman bunga

Bunyi nyaring burung terkukur

Graduan gembira ibu bapa bahagia

Menadah tangan tanda bersyukur

Hati gundah semakin luluh

Mendapat berita isi tersurat

Jadikan ilmu sebagai penyuluh

Penerang jalan dunia dan akhirat

Sekian.

Wabillahitaufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

TEKS UCAPAN

YBHG. TAN SRI DATO' SERI ARSHAD AYUB

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 80

18 MEI 2014 (AHAD)

SIDANG KESEBELAS

UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATO' SERI ARSHAD AYUB
PRO-CANSELOR UiTM
DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 80
SIDANG KESEPULUH (PETANG)**

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Prof Dr Hajah Azni Zain Ahmed
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)
- Prof. Dato' Dr. Abdullah Mohamad Said
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar)
- Prof Ir Dr Haji Abdul Rahman Omar
Timbalan Naib Canselor
Penyelidikan dan Inovasi
- Prof Dr Hajah Norsaadah Hj Ismail
Timbalan Naib Canselor
Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni
- Dr Hajah Zahrah Mokhtar
Pendaftar
- Tuan Haji Sanip Wahid
Bendahari
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor

- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warohmatullahi wabarokatuh dan salam sejahtera,

Bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama meraikan Istiadat Konvokesyen ke-80 sidang ke-11 pada petang ini. Sidang ini adalah bertujuan untuk meraikan seramai 1,121 graduan Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM) yang merangkumi 475 graduan di peringkat diploma serta 646 graduan ijazah sarjana muda dengan kepujian.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua graduan yang menerima ijazah dan diploma pada petang ini.

Tahniah juga saya ucapkan kepada semua ibu bapa yang telah berusaha dan berdoa untuk kejayaan yang telah lama dinantikan bagi anak-anak mereka.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Malaysia dan rakyat Malaysia memberi penekanan dan nilai yang tinggi kepada pendidikan yang baik. Negara ini membelanjakan sebahagian besar daripada bajetnya pada pendidikan manakala ibu bapa berjimat cermat untuk menabung bagi mencapai impian untuk anak-anak mereka mendapatkan pendidikan yang terbaik.

Kesanggupan kita untuk melabur dalam pembangunan modal insan telah meletakkan negara kita dalam kedudukan yang baik. Dalam masa satu generasi Malaysia telah berjaya berubah dari ekonomi pertanian yang berpendapatan rendah ke ekonomi perindustrian moden berpendapatan pertengahan.

Pendidikan telah lama memainkan peranan penting dalam usaha kita membina negara sejak 57 tahun yang lalu. Saya percaya bahawa pendidikan akan terus memainkan peranan penting bagi mentransformasi negara ini menjadi negara maju berpendapatan tinggi.

Sesungguhnya, modal insan adalah teras kepada inovasi bagi mencapai negara berekonomi pendapatan tinggi. Ia adalah pelaburan yang paling penting kepada sesebuah negara. Tiada ekonomi boleh berjaya tanpa kewujudan kumpulan tenaga berkemahiran tinggi yang bertindak balas secara kreatif bagi menangani perubahan ekonomi dan menumpu kepada mencipta, membangun dan menggunakan pengetahuan. Untuk tujuan inilah UiTM meluaskan peluang dan akses kepada pendidikan peringkat universiti untuk memastikan bahawa setiap bumiputera rakyat Malaysia yang berkelayakan dapat merealisasikan potensi mereka.

Hadirin sekalian,

UiTM mengiktiraf peranan yang boleh dimainkan oleh anak-anak bumiputera dalam merangsang dan mengekalkan pertumbuhan modal intelektual bagi memenuhi keperluan untuk inovasi dan pengetahuan di dalam ekonomi moden.

Dalam hal ini, saya menyatakan bahawa UiTM, sebagai sebuah universiti terbesar di Malaysia, telah menyumbang kepada pembangunan negara di mana enrolmen pelajar UiTM telah meningkat menghampiri 200 ribu pelajar. Dalam tempoh yang sama universiti ini telah menghasilkan ratusan ribu graduan yang telah membentuk kumpulan bakat yang menyumbang secara membina kepada ekonomi negara.

Kita semua kagum bahawa UiTM mempunyai rekod prestasi yang terbukti dengan kadar mendapat pekerjaan yang tinggi di kalangan graduannya. Ini menunjukkan kualiti pendidikan yang

dibina UiTM diiktiraf oleh industri dan majikan di kedua-dua pasaran; iaitu awam dan swasta. Oleh itu, saya menyeru kepada para graduan di sini hari ini untuk mengekalkan standard yang telah ditegakkan oleh graduan-graduan terdahulu.

Untuk kekal di barisan hadapan dalam penciptaan pengetahuan, **Fakulti Sains Komputer dan Matematik** terlibat secara aktif dalam penyelidikan dan pembangunan, terutamanya di bidang dan teknologi yang baru muncul. Usaha-usaha berterusan untuk maju dari sebuah universiti pengajaran kepada sebuah universiti penyelidikan adalah selaras dengan pelbagai inisiatif kerajaan dalam memupuk Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan (RDC). Usaha Fakulti Sains Komputer dan Matematik adalah ke arah menjadi penyumbang penting dalam perkembangan ilmu melalui penyelidikan, penghasilan penyelidikan yang mempunyai nilai

komersial yang tinggi dan perangsangan ekonomi melalui aktiviti keusahawanan dan kerjasama industri.

Pada masa kini FSKM menawarkan 35 jenis program yang merangkumi bidang-bidang sains matematik dan sains komputer di pelbagai peringkat meliputi *actuarial science*, *statistics*, *operations research*, *data mining*, *mathematical modelling*, *forecasting*, *input-output analysis*, *business computing*, *intelligent systems*, *information systems engineering*, *data communications* dan *netcentric computing*. Kepelbagaian inilah yang membantu di dalam melahirkan graduan yang mahir dalam teknologi terkini.

FSKM juga, di dalam usaha pengantarabangsaannya, telah mengadakan hubungan dua hala dengan universiti-universiti di luar negara; di antaranya Queensland University of Technology (Australia), University of Wollongong (Australia), Tashkent

University of Information Technologies (Uzbekistan) dan Catholic University of Leuven (Belgium). Di dalam negara, FSKM sedang berkerjasama dengan Jabatan Perangkaan Malaysia di dalam penyelidikan dan perkongsian ilmu statistic.

Saya gembira kerana FSKM dan UiTM diurus oleh ahli akademik dan profesional yang berdedikasi. Saya secara peribadi mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pensyarah dan pentadbir yang telah bekerja bersungguh-sungguh untuk menjadikan universiti ini sebuah universiti unggul di rantau ini.

Hadirin sekalian,

Saya berdoa UiTM dan FSKM terus berkembang untuk menjadi lebih kreatif dan inovatif dan dengan itu lebih berdaya saing dan terus menyumbang dengan ketara kepada ekonomi negara.

Kepada graduan, ingatlah bahawa setelah saudara-saudari menerima skrol pada hari ini saudara-saudari telah berada dalam kedudukan yang baik untuk menyalurkan sumbangan lebih besar kepada keluarga, alma mater, masyarakat, negara dan dunia. Saya ingin memetik kata-kata Woodrow Wilson, seorang ahli akademik yang kemudiannya menjadi salah seorang Presiden Amerika Syarikat yang paling terkenal. Beliau pernah berkata "*every man sent out from a university should be a man of his nation as well as a man of his time*".

Saudara-saudari adalah aset berharga negara. Saudara-saudari akan mewarisi negara kita dan akan menentukan pembangunan pada tahun-tahun mendatang. Tanggungjawab saudara-saudari sekarang adalah untuk menggerakkan negara kita ke tahap yang lebih besar. Keluarlah dari dewan ini dengan rasa penuh tanggungjawab dan tekad untuk berusaha ke arah kejayaan diri dan negara. Jadilah manusia yang berintegriti dan telus dalam setiap pekerjaan yang dilakukan.

Bukalah minda dan persoalkan isu tetapi bukan hanya dengan sikap kritikal tetapi mesti juga adil dan seimbang, bernilai kesederhanaan dan penuh kebijaksanaan. Seperti kata pujangga “ *Seseorang yang belajar tetapi tidak berfikir akan hanyut. Seseorang yang berfikir tetapi tidak belajar adalah dalam bahaya besar* ”. Marilah kita bersama-sama membina sebuah negara Malaysia yang diimpikan.

Kepada saudara-saudari yang ingin berbakti kepada universiti tercinta ini, mulakanlah dengan menyumbang sekurang-kurangnya RM10.00 ke Tabung Sumbangan Alumni yang disediakan di luar dewan. Melalui sumbangan alumni, diharapkan dana yang terkumpul akan terus bertambah dan akan membolehkan lebih ramai siswa-siswi UiTM dapat terus belajar tanpa masalah kewangan sekali gus kita dapat mengurangkan kebergantungan kepada bajet kerajaan.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

TEKS UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA DR.
ABDUL RAHMAN ARSHAD**

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 80

19 MEI 2014 (ISNIN)

SIDANG KEDUA BELAS

UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA DR.
ABDUL RAHMAN ARSHAD**

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 80

SIDANG KEDUA BELAS (PAGI)

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, dengan limpah kurnia dan izin-Nya, dapat kita bersama-sama di Istiadat Konvokesyen ke-80 pada pagi ini untuk meraikan penganugerahan ijazah sarjana muda dengan kepujian dan diploma bagi 1040 para graduan pelbagai bidang dari Fakulti Pengurusan Perniagaan.

Syabas diucapkan kepada para graduan yang telah berusaha gigih bagi menempa kejayaan ini. Sekalung tahniah juga dirakamkan kepada ibu bapa dan ahli keluarga para graduan yang pastinya menanti-nantikan saat kegembiraan ini. Tidak ketinggalan, barisan pendidik Fakulti Pengurusan Perniagaan yang tidak pernah jemu mendedikasikan bimbingan serta tunjuk ajar sehingga para graduan mencapai kejayaan yang kita saksikan pada hari ini. Begitu juga kepada staf pentadbiran yang gigih melaksanakan operasi harian fakulti seterusnya

memastikan persekitaran fakulti yang kondusif bagi aktiviti pembelajaran.

Hadirin yang dihormati,

Sejak penubuhannya pada tahun 1956, Universiti Teknologi MARA (UiTM) sentiasa komited dalam menghasilkan graduan bumiputera yang kompetens dan berdaya saing di peringkat domestik mahupun antarabangsa. Ia juga sejajar dengan peranan UiTM sebagai sebuah universiti kerajaan dalam meningkatkan peratusan profesional di kalangan bumiputera seterusnya mengimbangi pola taburan kedudukan ekonomi bumiputera di kalangan masyarakat Malaysia. Penganugerahan graduan sebentar tadi merupakan refleksi kecemerlangan UiTM dalam memartabatkan pendidikan di kalangan bumiputera.

Saya amat sukacita apabila dimaklumkan bahawa Fakulti Pengurusan Perniagaan sejak penubuhannya sentiasa memperkasakan program-programnya bagi menghasilkan graduan bumiputera yang berkualiti tinggi. Antara inisiatif yang

dilakukan termasuk jaringan kerjasama akademik dengan universiti-universiti di luar negara dan beberapa industri tempatan. Semakan kurikulum secara berkala turut dilakukan bagi memastikan program yang relevan dan terkini memenuhi kehendak pasaran. Hasilnya, ramai graduan fakulti yang terbukti memegang jawatan penting di sektor korporat dan awam sama ada di dalam dan luar negara.

Saya ingin menyatakan bahawa kecemerlangan akademik perlu dilengkapi dengan pemantapan keperibadian yang luhur dan mulia bagi mencapai keberkatan hidup dan kejayaan yang berterusan. Para graduan diingatkan agar sentiasa mempraktikkan nilai-nilai murni seperti rajin, jujur dan ikhlas serta hindari daripada sebarang sifat-sifat negatif seperti hasad dengki, prejudis dan angkuh. Tanamkan sikap integriti dan moral yang tinggi dengan menjauhkan diri daripada aktiviti seperti rasuah dan pecah amanah yang jelas sekali bercanggah dengan landasan agama. Diharapkan agar para

graduan akan menjadi pemangkin pembangunan masyarakat dan negara melalui proses yang sihat dan beretika.

Hadirin yang dimuliakan,

Alam pekerjaan merupakan satu fasa yang penuh dengan cabaran dan pelbagai kerenah. Para graduan justeru itu, dinasihatkan agar melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran bagi menghadapi fasa tersebut. Kemahiran berkomunikasi, kerjasama berpasukan dan *emotional intelligence* adalah antara kemahiran yang perlu ada bagi setiap graduan yang berdaya saing. Kebolehan berinteraksi menggunakan bahasa ketiga seperti bahasa Arab, Mandarin dan Perancis sedikit sebanyak menyumbang kepada kelebihan para graduan di pasaran. Selain itu, sifat khusus seperti kreatif, kritikal, berdikari, berketrampilan dan berpandangan jauh adalah antara ciri-ciri yang sering dinilai dan dipertimbang dalam perkembangan karier.

Persaingan sengit di pasaran kerja tidak bermakna para graduan tidak mampu menyumbang sesuatu kepada masyarakat. Jadilah graduan yang berwawasan, optimistik dan proaktif. Terdapat pelbagai peluang perusahaan dan perniagaan yang boleh diterokai. Dengan adanya inisiatif bantuan perusahaan dan perniagaan yang ditawarkan oleh pihak kerajaan dan juga pihak swasta, para graduan seharusnya menyambut baik peluang ini.

Inilah masanya untuk para graduan mengaplikasikan ilmu perniagaan dan perusahaan yang telah dipelajari. Di luar sana, terdapat ramai usahawan yang telah berjaya. Jadikan mereka ini sebagai *role model* bagi proses pembelajaran. Lihat mereka ini sebagai teladan yang perlu dicontohi dalam menuju kejayaan. Perlu diingatkan bahawa kejayaan itu memerlukan daya usaha yang berterusan. Jangan mudah berputus asa dan sentiasa memandang ke hadapan. Insya-Allah, kejayaan pasti menjadi milik kita. Semoga inisiatif ini akan menambahkan lagi

bilangan usahawan bumiputera yang berkeupayaan dan berkebolehan tinggi di pasaran.

Graduan yang dikasihi,

Saya ingin ingatkan graduan semua. Budaya mencari ilmu haruslah dijadikan amalan kehidupan. Dalam erti kata lain, proses pembelajaran tidak tamat dengan hanya segulung diploma atau ijazah. Pencarian ilmu yang berterusan adalah satu usaha murni yang sentiasa digalakkan oleh agama. Para graduan seharusnya perlu memikirkan untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi sama ada ke peringkat sarjana muda, sarjana atau doktor falsafah mahupun ke peringkat profesional.

Kini, terdapat pelbagai peluang biasiswa mahupun pinjaman di pasaran bagi membantu para graduan dalam menyambung pengajian. Malah, terdapat pelbagai program pengajian tinggi ini yang ditawarkan secara pengajian separuh masa. Perlu ditekankan di sini bahawa budaya mencari ilmu ini merupakan

salah satu tunjang utama dalam sesebuah negara itu menuju status negara maju.

Kejayaan saudara-saudari pada hari ini mungkin tidak dapat direalisasikan tanpa mereka yang sentiasa berdiri di belakang saudara-saudari. Mereka ini mungkin ibu bapa, abang, kakak, adik, suami atau isteri saudara-saudari yang telah berkorban masa, tenaga dan wang ringgit dalam membantu saudara-saudari berada di istiadat penganugerahan ini. Ingati dan hargailah jasa mereka kerana tanpa mereka siapalah kita. Sematkan pada diri saudara-saudari agar menjadi individu yang sentiasa berbakti pada keluarga, bangsa, negara dan agama.

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian kaum, budaya dan agama. Hormatilah kepelbagaian ini. Para graduan seharusnya peka dan prihatin agar jangan sesekali mengeluarkan kenyataan atau melakukan perbuatan yang boleh mencalarkan kesejahteraan negara. Perpaduan rakyat adalah dasar utama dalam melestarikan pembangunan negara

seterusnya dalam mencapai status negara maju. Jadilah rakyat yang bertanggungjawab dan bawalah nama baik agama, bangsa, keluarga dan universiti dalam setiap tindak tanduk.

Akhir kata, saya serta seluruh warga UiTM sekali lagi mengucapkan sekalung tahniah dan syabas kepada para graduan Fakulti Pengurusan Perniagaan. Jadikan UiTM sebagai saat indah sebahagian kehidupan saudara-saudari yang sentiasa terpahat di hati. Semoga saudara-saudari semua akan sentiasa berada di bawah limpah kurnia-Nya.

Sekian,

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

TEKS UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA DR.
ABDUL RAHMAN ARSHAD**

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 80

19 MEI 2014 (ISNIN)

SIDANG KETIGA BELAS

UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA DR.
ABDUL RAHMAN ARSHAD**

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 80

SIDANG KETIGA BELAS (PETANG)

.....
Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama-sama meraikan Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA (UiTM) ke-80.

Istiadat Konvokesyen UiTM ke-80 sidang ke-13 pada petang ini menyaksikan seramai 975 orang graduan dari Fakulti Pengurusan Perniagaan menerima diploma, ijazah sarjana muda dan profesional masing-masing.

Maka, izinkan saya terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan, kerana usaha dan komitmen saudara-saudari yang bersungguh-sungguh yang membolehkan saudara-saudari akhirnya berjaya menerima diploma, ijazah sarjana muda dan sijil profesional pada hari yang bersejarah ini.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada para ibu bapa graduan yang hadir bersama-sama pada hari ini. Saya percaya kejayaan saudara-saudari semua tentunya telah diiringi dengan doa dan sokongan daripada mereka sepanjang pengajian di universiti ini.

Tidak dilupakan juga, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada para pensyarah dan staf sokongan yang telah memberikan pengetahuan dan perkhidmatan tanpa jemu bagi memastikan saudara-saudari dipersiapkan dengan pelbagai kemahiran. Kemahiran teknologi maklumat, kepimpinan, komunikasi berbahasa Inggeris, pembelajaran berterusan serta pemikiran kritis dan kreatif telah dipersiapkan sepanjang pengajian di UiTM seperti mana yang diinginkan oleh majikan dan pihak berkepentingan.

Dengan kemahiran yang dimiliki, para graduan juga boleh menceburi bidang keusahawanan yang semakin berkembang di Malaysia hasil daripada sokongan pelbagai pihak yang tertentu dari segi bantuan kewangan dan khidmat nasihat. Badan-badan seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah menyediakan modal yang besar untuk membantu para usahawan, terutamanya usahawan bumiputera agar berdaya saing dan maju untuk mencapai potensi antarabangsa.

Era dunia sekarang yang semakin global dan mencabar, menuntut saudara-saudari supaya lebih berdikari dan berdaya kreatif dengan menceburi bidang keusahawanan ini. Lebih-lebih lagi dalam keadaan pasaran kerjaya yang semakin tidak menentu dan terhad.

Di samping itu, para graduan juga adalah digalakkan untuk melanjutkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi dalam bidang-bidang yang penting, selaras dengan agenda

pembangunan negara bagi menjayakan transformasi ke arah negara berpendapatan tinggi. “*MyMaster*” juga telah diwujudkan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh menerusi program “*MyBrain 15*” bagi membiayai pengajian saudara-saudari di peringkat ijazah sarjana.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Fakulti Pengurusan Perniagaan telah dibina dan diterajui oleh mereka yang diberi tanggungjawab mentadbir melalui lunas-lunas yang berasaskan pengajaran, kerjasama persefahaman dengan organisasi dalam dan luar negara. Kemantapan kurikulum dan kursus dalam program-program perniagaan yang bersesuaian dengan arus zaman, menjadikan fakulti ini pilihan kepada ramai calon.

Hasilnya, kita berjaya mengeluarkan graduan yang menjadi pemimpin-pemimpin perniagaan di setiap industri di dalam dan di luar negara, serta usahawan dan tokoh korporat yang telah berbakti kepada negara dengan baik. UiTM boleh berbangga

dengan faktor ini sebagai rangka garis pencapaian para graduannya.

Saya ingin dan berharap Fakulti Pengurusan Perniagaan dapat mempamerkan dirinya sebagai fakulti yang menawarkan program-program perniagaan dan keusahawanan yang terbaik setanding dengan mana-mana institusi terkemuka dunia.

Untuk mencapai hasrat ini, fakulti harus memastikan pengetahuan dalam pengurusan perniagaan adalah besesuaian dengan kehendak dunia global. Dalam konteks ini, kita harus menghargai kewujudan kepelbagaian dalam perniagaan. Justeru itu kita harus menerima pelajar, para akademik dan pentadbir yang cemerlang dari pelbagai lapangan perniagaan.

Modal insan yang diperoleh ini mestilah diberikan ilmu yang terkini dan dipupuk dengan budaya perniagaan positif. Budaya ini perlu merangkumi semua aspek kehidupan sebagai manusia yang bertanggungjawab menjalankan amanah dan mampu melahirkan buah fikiran mantap dan bernas.

Para graduan yang diraikan,

Saya yakin graduan yang berada di dalam dewan ini amat komited serta mempunyai keyakinan diri tinggi untuk berbakti kepada anak bangsa tidak kira di mana tempat saudara-saudari bekerja nanti.

Saudara-saudari seharusnya berupaya menyampaikan perkhidmatan dengan jujur, berdedikasi, ikhlas dan amanah selaras dengan konsep kerja sebagai suatu ibadah. Hormatilah kepelbagaian agama dan budaya demi menyemarakkan perpaduan yang bermatlamatkan pencapaian status negara maju. Nilai keperibadian dan integriti yang tinggi merupakan asas atau

tunjang utama kepada kelangsungan kejayaan dan kemakmuran negara.

Ibu bapa merupakan pihak pertama yang memerlukan budi saudara-saudari. Hargai peranan serta pengorbanan ibu bapa yang tidak pernah berkira dalam hal-hal yang menyentuh kesejahteraan dan masa depan anak-anak mereka.

Saya juga berdoa semoga graduan sekalian insaf akan kedudukan bangsa yang sentiasa memerlukan perhatian dan keutamaan. Saya memohon para graduan untuk mengenang barang sejenak, betapa segala apa yang dikecapi pada hari ini sebenarnya merupakan perancangan rapi serta wawasan bangsa kita.

Oleh yang demikian, kembalikanlah ihsan tersebut dengan cara yang terpuji, berbudi dan selayaknya. Kepada graduan yang ingin berbakti kepada universiti tercinta ini, mulakanlah dengan menyumbang ke Tabung Alumni UiTM.

Melalui sumbangan para alumni UiTM, diharap dana yang terkumpul akan terus bertambah dan akan membolehkan lebih ramai siswa-siswi UiTM dapat terus belajar tanpa menghadapi masalah kewangan, sekali gus kita dapat mengurangkan kebergantungan kepada bajet kerajaan.

Hadirin yang saya hormati,

Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan graduan sekalian. Saya berdoa semoga saudara-saudari akan terus maju dan berjaya dalam segala lapangan yang diceburi dan diusahakan.

Sekiranya ditakdirkan Allah kelak, saudara-saudari menjadi orang yang berjaya dalam kerjaya dan kehidupan, ingatlah bahawa di UiTM inilah tempatnya graduan sekalian pernah berada dan menuntut ilmu pengetahuan. Biar di mana sekalipun kita berada, berikanlah tempat yang istimewa kepada UiTM di sudut hati kita.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

TEKS UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA DR.
ABDUL RAHMAN ARSHAD**

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 80

20 MEI 2014 (SELASA)

SIDANG KEEMPAT BELAS

UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA DR.
ABDUL RAHMAN ARSHAD**

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 80

SIDANG KEEMPAT BELAS (PAGI)

.....
Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah perkenan-Nya dapat kita bersama-sama hadir di Istiadat Konvokesyen UiTM ke-80 pada pagi ini. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua graduan yang telah berjaya menyempurnakan pengajian mereka masing-masing.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan kepada semua ibu bapa dan keluarga graduan yang turut bersama-sama untuk meraikan kejayaan para graduan. UiTM amat mengalu-alukan kedatangan para ibu bapa dan hadirin dalam istiadat yang penuh bererti ini. Kita juga turut bersama-sama berbangga dan bersyukur di atas kejayaan para graduan hari ini. Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan syabas kepada semua

kakitangan akademik, para pentadbir dan pekerja universiti ini kerana atas kesabaran dan ketekunan merekalah graduan-graduan yang menerima ijazah hari ini dapat dilahirkan.

Untuk makluman para hadirin, pada pagi ini seramai 981 orang graduan daripada pelbagai bidang telah menerima ijazah masing-masing sebentar tadi. Dengan penganugerahan ini akan menambah lagi bilangan para siswazah dan profesional dalam pelbagai disiplin yang diperlukan oleh negara. Saya berdoa semoga para graduan kita akan berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi di samping dapat memberikan sumbangan yang berguna ke arah kesejahteraan negara dan bangsa.

Kejayaan pelajar mendapat ijazah pada hari ini adalah merupakan detik manis dan bersejarah. Ia adalah ganjaran kepada usaha, kesabaran dan ketekunan yang telah

ditunjukkan selama ini. Acara seperti hari ini juga merupakan kemuncak dalam peringkat pengajian dan menjadi cita-cita semua pelajar.

Saya percaya saudara-saudari masih ingat lagi semasa melafazkan ikrar sebagai pelajar baru di dewan ini dua tiga tahun lalu. Intisari ikrar tersebut sebenarnya menjurus kepada penerapan semangat yang teguh untuk membentuk graduan lepasan universiti ini yang dinamik. Oleh itu buktikanlah bahawa saudara-saudari ini adalah produk berkualiti yang dihasilkan oleh universiti ini dan berupaya membuktikan kecemerlangan dalam semua bidang pada setiap masa.

Sebenarnya UiTM sentiasa memberi penekanan kepada pendidikan untuk melahirkan graduan yang bermutu tinggi dan akan terus berusaha sebaik mungkin untuk menjadikan graduan keluaran universiti ini berada di barisan hadapan,

berupaya menjadi pemimpin cemerlang dan sentiasa diingini oleh majikan. Kualiti adalah penting dalam pendidikan formal dan pendidikan bukan formal. Walaupun keadaan sosial, ekonomi dan teknologi telah berubah, namun komitmen universiti terhadap kualiti khasnya dalam pengajaran dan pembelajaran akan sentiasa dipertingkatkan.

Gambaran graduan bermutu tinggi boleh dilihat dan diukur melalui kepakaran mereka dalam bidang pengkhususannya, mempunyai akhlak yang baik, cekap berkomunikasi, bijak menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi, mahir dalam penggunaan teknologi terkini dan mempunyai kesedaran budaya yang tinggi. Justeru itu UiTM akan sentiasa berusaha untuk menghasilkan graduan yang sedemikian.

Saudara-saudari dan hadirin sekalian,

Kini telah sampai masanya graduan yang baru berjaya dalam pengajian melangkah keluar ke alam pekerjaan dan memikul tanggungjawab sebagai warganegara. Para graduan akan berdepan dengan kenyataan suasana kerja dan dunia pekerjaan. Seperti para hadirin maklum persaingan dalam dunia pekerjaan tidak dapat dinafikan. Begitu juga akan berlaku senario di mana ramai pemohon mengejar bilangan pekerjaan yang terhad. Mungkin setengah pihak bersetuju dengan anggapan saya bahawa di sebalik kebanggaan dan kegembiraan ibu bapa, keluarga dan sahabat handai pada detik yang bersejarah ini, ada terselit kebimbangan tentang kerjaya di kalangan para graduan kita.

Saya ingin berpesan supaya para graduan bersabar dan tekun dalam mencari pekerjaan yang sesuai dengan ilmu pengetahuan yang telah dipelajari. Harapan saya ialah supaya para graduan sekalian tidak terlalu memilih

pekerjaan, sebaliknya bersedia menerima apa juga peluang pekerjaan walaupun berbeza dengan cita-cita asal dan kecekapan yang dimiliki.

Kepada saudara-saudara yang mempunyai kesempatan, masa dan kemampuan, saya ingin menyarankan supaya saudara-saudari melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Pertumbuhan dan perkembangan yang baik dalam sektor perbankan dan insurans umpamanya, dapat memberi peluang para graduan membina kerjaya yang lebih baik sekiranya memiliki kelayakan yang tinggi dalam bidang-bidang tersebut.

Janganlah jadikan cabaran sebagai penghalang untuk memulakan penghidupan baru dan memasuki alam pekerjaan. Untuk membina sesuatu kerjaya, terdapat banyak bidang dan peluang yang boleh diterokai. Saudara-saudari tidak sepatutnya bergantung semata-mata kepada sektor

awam dan swasta. Sebaliknya, saudara-saudari boleh berdikari seperti menjalankan perusahaan sendiri, dengan dimulai secara kecil-kecilan dan dikembangkan hingga mencapai kejayaan. Usaha begini memerlukan semangat yang gigih dan daya juang yang kental, di samping sifat kreativiti yang inovatif dan kritikal. Saya percaya saudara-saudari telah membuat perancangan sedemikian dan akan melaksanakan mengikut apa yang saudara-saudari fikirkan terbaik.

Para graduan juga dinasihatkan supaya bersedia menimba pengalaman dan kemahiran dalam sebarang pekerjaan yang ditawarkan. Justeru itu saya berharap agar para graduan tidak merasa selesa dan berpuas hati dengan kelayakan yang telah dicapai. Ini kerana kelayakan sahaja tidak mencukupi untuk menjadi seorang pekerja yang berkebolehan, dapat menjunjung hasrat dan misi organisasi secara berkesan. Hanya seseorang pekerja yang

berpemikiran terbuka, bersedia mempelajari sesuatu yang baru dan dapat bertindak secara berpasukan dengan rakan yang lain dapat menghasilkan output kerja yang bermutu tinggi dan menepati *core business* dalam sesuatu organisasi. Oleh itu ciri-ciri penting yang akan membawa seseorang ke tahap kejayaan seperti pengalaman, kemahiran, kebolehan berkomunikasi dan berinteraksi, kegigihan dan kerja keras, perlu dimiliki.

Pendidikan yang diperolehi oleh graduan di universiti seperti yang saudara-saudari ikuti selama ini bukanlah dianggap semata-mata sebagai tujuan untuk memperoleh pekerjaan dalam kerjaya seumur hidup. Dalam era globalisasi yang berasaskan teknologi dan maklumat, para graduan tidak harus mengehendkan penguasaan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman dalam sesuatu bidang sahaja. Para graduan harus berusaha meningkatkan keupayaan diri dan menambah ilmu khususnya dalam teknologi maklumat dan

komunikasi. Keperluan negara kepada kumpulan pekerja yang memiliki pelbagai kemahiran atau *multi-skilled work force* dalam pelbagai bidang tidak dapat dinafikan.

Kesediaan saudara-saudari mempelajari perkara baru dan teknologi baru untuk menghadapi pekerjaan pada masa hadapan sebenarnya menguntungkan diri sendiri. Langkah ini dapat menjamin saudara-saudari untuk kekal berjaya dan terus mencapai peningkatan semasa bekerja. Oleh itu para graduan harus mengamalkan budaya belajar sepanjang hayat supaya saudara saudari sentiasa dapat meningkatkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran baru, sesuai dengan kehendak pasaran pekerjaan dan menghadapi cabaran hidup.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Universiti merupakan badan awam yang melatih dan menghasilkan tenaga manusia yang berilmu, berkemahiran dan berketrampilan. Untuk melaksanakan tanggungjawab ini, universiti dan kerajaan sebenarnya menanggung perbelanjaan yang amat tinggi sekali dan memberi subsidi bagi membiayai kos pengajian setiap pelajar. Oleh itu pelajar-pelajar universiti hendaklah bersyukur dan sentiasa berterima kasih atas bantuan yang begitu besar diberikan oleh kerajaan semasa mengikuti program pengajian di universiti. Jadilah warganegara yang setiasa berbudi bahasa dan mengenang pengorbanan pihak yang selama ini memberi bakti kepada mereka.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada saudara-saudari di atas kejayaan yang telah dicapai dan selamat maju jaya dalam apa jua bidang yang diceburi. Teruskanlah usaha untuk meningkatkan kebolehan dan

kewibawaan diri supaya dapat menampilkan diri sebagai pekerja yang sentiasa bertanggungjawab, bersungguh-sungguh, ikhlas dan penuh kejujuran. Sesungguhnya kejujuran merupakan nilai universal yang menjadi sanjungan setiap peradaban dan kepercayaan.

Ikutilah disiplin dan laksanakan kerja dengan penuh etika dan dedikasi. Pastikan nilai-nilai murni yang dipelajari di universiti sentiasa menjadi pedoman dan amalan saudara-saudari. Begitu juga saudara-saudari harus sentiasa menjaga nama baik universiti di mana saudara-saudari mendapat pendidikan agar martabat dan keutuhan UiTM sebagai universiti terunggul di dunia dalam membangun bangsa Melayu dan kaum bumiputera terus berkekalan.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dengan persiapan dan pengurusan bagi menjayakan istiadat konvokesyen ini. Semoga Allah memberkati usaha murni tersebut.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.